


Citra Budaya

Jabatan Kebudayaan & Kesenian Negara (ISSN 2462-1285 Tahun Ke-15 Bil 2/2023)



JKKN

Memperkasa Persijilan Kemahiran Seni Budaya

Angin menghembus citra Mek Mulung
KOSENI **pemangkin** industri seni budaya
Asimilasi muzik tradisional dalam kontemporari

HAK CIPTA TERPELIHARA

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian teks, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain kecuali dengan keizinan secara bertulis daripada Ketua Pengarah, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.

Citra Budaya JKKN merupakan penerbitan yang diterbitkan dua (2) kali setahun dan berperanan dalam menyampaikan wadah dan matlamat kepada masyarakat dalam usaha merealisasikan penyemarakan dan pemeliharaan seni budaya.

Sidang editorial CITRA BUDAYA JKKN sangat mengalu-alukan sumbangan anda dalam sebarang bentuk karya seperti artikel, rencana, pantun, puisi, cerpen dan sebagainya.

Sila hantarkan sumbangan anda kepada:
Cawangan Dokumentasi dan Penerbitan
Aras 30, Menara TH Perdana
No, 1001 Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur
E-mel: ruzaini@jkkn.gov.my
penerbitan@jkkn.gov.my

SIDANG PENERBIT



Sidang Editorial

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara

Ketua Pengarah

YBrs. Encik Mohd Amran bin Mohd Haris

Timbalan Ketua Pengarah

Sektor Dasar & Perancangan

Timbalan Ketua Pengarah

Sektor Kebudayaan dan Kesenian

YBrs. Encik Rosnan Nordin

Ketua Editor

Zubariah Abdullah

Editor Bersekutu

Sarah Samsudin

Ketua Penyelaras Penerbitan/

Penolong Editor

Wan Mohd Ruzaini Wan Chik

Sidang Editorial

Mohd Zuhairi Ibrahim

Zuriah Mohamad

Jamaliah Azman

Norhidayah Zakaria

Natassya Omar

Siti Mazleena Omar

Mohamad Norazlan Zulkfhli

Wan Ahmad Shaufiq Wan Ahmad Nasri

Reka Bentuk Majalah

Mohammad Danial (*den*)

Reka Bentuk Muka Hadapan

Bafti Hera Abu Bakar

Gambar Muka Hadapan

Abdullah Deen Mohd Zain@Mohammad

Fotografi

Muhammad Asyraf Rezali

Promosi dan Pengiklanan

Bafti Hera Abu Bakar

Pengedaran

Nur Amalina Rosli

Isi Kandungan

PENULIS TAMU

Angin Menghembus Citra Mek Mulung



04

PEMULIHARAAN DAN PEMELIHARAAN

Busana lelaki Etnik Suluk Sabah



09

SEGMENT KHAS

Yoyo Cina di Malaysia



13

SUARA KREATIF

Pejuang Bumi Palestin



18

SEGMENT KHAS:

Seni Budaya Tradisional, Wajarkah dipinggirkan?



20

PEMULIHARAAN DAN PEMELIHARAAN

Pemmainan Tradisional: Wau



27

CERITA MUKA HADAPAN

JKKN Memperkasa Persijilan Kemahiran Seni Budaya



37

PENULIS TAMU

Asimilasi Muzik Tradisional dalam Kontemporari



32

JKKN

Kumpulan Kesenian JKKN ke Persada Antarabangsa :
Expo Dubai 2020



SEGMENT KHAS

Majlis Keramaian Pesta
Kaul Masyarakat Melanau
Pegan



SEGMENT KHAS - Elemen
Dakwah Dalam 'Nazam
Mukjizat' - Roslan Madun



SEGMENT KHAS

KOSENi Pemangkin Industri Seni Budaya



**PEMULIHARAAN DAN
PEMELIHARAAN**

Pernmainan Tradisional :
Congkak



Asuhan dan Kemahiran Seni
Terapi Seni Visual Kepada
Golongan Masa Kini



Suara Kreatif

Suara Merdeka



ANGIN MENGHEMBUS CITRA

Mek Mulung

Oleh: Azrie Izhah Hamzah

Apa yang terlintas di dalam fikiran anda jika disebut tentang kandungan televisyen sempena bulan kemerdekaan? Pasti ada laungan merdeka, kibaran jalur gemilang serta dua generasi yang saling memahami nilai sebuah kemerdekaan.

Pada sekitar pertengahan 2022, saya telah diberi peluang menulis sebuah lakon layar cereka televisyen untuk slot Panggung RTM Khas Hari Kebangsaan 2023. Penerbit terbuka untuk sebarang cerita dan konflik terkait dengan elemen hari kebangsaan serta pemerkaasaan jati diri bangsa dan negara. Menurut penerbit, mereka mahukan kandungan yang unik serta berbeza daripada kebiasaan.

Setelah beberapa siri pemurnian idea, terzahirlah judul *Angin* yang menceritakan pergelutan juga konflik dua beradik yang merupakan waris kepada seorang tokoh Mek Mulung di sebuah kampung bernama Wang Budi. Khabir (Hairi Safwan) dan adiknya Sufiah (Nadiya Nisaa), mempunyai matlamat berbeza.

Khabir digambarkan sebagai seorang anak yang bertanggungjawab serta berpegang kepada amanat dan pusaka Mek Mulung tinggalan arwah bapanya, Pak Saad. Sementara itu, Sufiah lebih cenderung untuk memajukan diri dengan menyambung pengajian ke peringkat tertinggi dan memberi nafas baharu terhadap seni Mek Mulung.

Menerusi tulisan ini, saya akan kongsi perihal penerapan citra Mek Mulung proses penciptaan lakon layar cereka televisyen *Angin* arahan Danny Alamsyah.

Citra Mek Mulung

Mek Mulung terbahagi kepada dua; seni persembahan dan kepercayaan ritual yang diwariskan. Mek Mulung cukup dikenali sebagai sebuah persembahan bagi tujuan menghiburkan. Menurut kepercayaan tempatan, Mek Mulung mempunyai tujuan yang lebih besar; menyembah hormat kepada roh nenek moyang yang dianggap menjadi pelindung kepada kehidupan daripada pelbagai gangguan.



Mek Mulung dikenali sebagai sebuah teater tradisional yang lengkap dengan nyanyian, tarian, lakon serta kesatuan muzik. Kampung Wang Tepus, Tanah Merah, Jitra, Kedah Darul Aman cukup sinonim sebagai 'legasi terakhir' Mek Mulung di tanah air.

Angin memperlihatkan pertembungan dua peranan Mek Mulung. Bagi Sufiah, seni pusaka yang sudah berusia ratusan tahun ini tidak lebih daripada sekadar sebuah persembahan serta terbuka untuk tontonan dan apresiasi umum. Berbeza bagi Khabir yang berkeras untuk meneruskan kelangsungan Mek Mulung di kampungnya dengan mempertahankan kepercayaan juga pantang larang yang diwariskan bapanya.

Bangsal Yang Melatari



Sebahagian perkara yang banyak dibincangkan bersama pengarah sepanjang proses menulis skrip *Angin* adalah berkisar tentang latar. Kisah *Angin* hidup dalam latar fiksiyen bernama Kampung Wang Budi. Selain kajian terperinci

mengenai Mek Mulung, rutin harian dan kehidupan penduduk kampung juga mempengaruhi pembinaan latar-latar yang akan dibangunkan. Kampung Wang Budi digambarkan sebagai sebuah kampung dengan latar alam semula jadi berupa perbukitan yang menghijau dan sawah yang terbentang sebagai sumber rezeki utama penduduk kampung.

Tidak lengkap citra Mek Mulung tanpa sebuah bangsal. Menurut kepercayaan tempatan, Mek Mulung tidak boleh dimainkan di sebarang lokasi melainkan di bangsal. Pewaris tidak boleh dengan sewenang-wenangnya memindahkan kedudukan bangsal. Sekiranya perlu, terdapat aturan, ritual juga pantang larang yang harus dipatuhi.

Bangsal menjadi latar penting bagi membantu pergerakan naratif *Angin*. Bangsal merupakan tempat Kumpulan Mek Mulung Seri Mayang berkumpul setiap kali membuat latihan serta persembahan. Bangsal turut menjadi saksi Khabir dan Sufiah dibesarkan dengan asuhan seni Mek Mulung oleh bapa mereka.

Ritual memindahkan lokasi bangsal Mek Mulung dikatakan mempunyai aturan yang unik. Ritual ini harus dilakukan oleh penjaga atau ketua kumpulan tanpa ditemani sesiapa, seawal pagi menjelang terbit fajar. Aturannya rumit, malah perlu dibuat dengan berhati-hati agar tidak melanggar pantang.

Bertitik tolak daripada kepercayaan ini, Khabir digambarkan sebagai seorang pemimpin kumpulan Mek Mulung yang tidak mahu mendengar pendapat ahli kumpulan yang sering memberi cadangan agar sesi latihan dan persembahan mereka dipindahkan ke lokasi yang lebih baik. Bangsal dalam *Angin* digambarkan sebagai sebuah bangsal yang sederhana, namun dalam keadaan yang semakin uzur dimakan panas dan hujan. Khabir bertegas agar mereka terus kekal berpusat di bangsal peninggalan bapanya.



Mengapa Angin?



Memilih judul yang tepat bagi mewakili keseluruhan penceritaan juga merupakan satu proses yang amat mencabar. Namun, akhirnya, judul *Angin* dipilih sebagai judul karya dengan citra Mek Mulung ini. Fitrah kejadian angin; wujud tetapi tidak kelihatan dengan mata kasar. *Angin* menghembus dan mendamaikan. *Angin* juga bertiup dan boleh meruntuhkan. Begitulah perlambangan konflik adik-abang yang ditonjolkan di dalam cereka ini. Sifat angin ini mewakili keseluruhan pertembungan dan konflik dalam kalangan watak-watak dalam cereka ini.

Sufiah, setelah sekian lama meninggalkan kampung untuk menyambung pengajian, terdetik hati untuk pulang ke kampung halaman. Sufiah beralih angin dan memilih untuk kembali menikmati suasana kampung yang dekat di hatinya.

Pertemuan semula Sufiah dengan Khabir walau bagaimanapun, langsung tidak menemukan titik pendamaian. Khabir dan Sufiah berlaga angin setiap kali bertemu. Konflik memuncak apabila Sufiah mendapat tahu tentang tindakan Khabir yang dirasakan melampaui batas sehingga memungkinkan tanah pusaka serta bangsal mereka tergadai.

'Angin' merupakan bahagian dalaman diri seseorang, iaitu disebut rohani atau jiwa yang juga terkait dengan personaliti. 'Angin' merupakan dorongan yang sangat kuat atau keinginan terhadap sesuatu. Dalam konteks seni persembahan tradisional, 'angin' merujuk kepada sepenuh tumpuan dan penghayatan total yang diberikan oleh pemain persembahan.

Khabir, ada masanya larut dalam watak-watak Mek Mulung yang dimainkan. Bagi Khabir, inilah terapi terbaik untuk menafikan segala kesengsaraan dan hal-hal yang tidak berpihak kepadanya dalam dunia sebenar.

Angin merupakan sebuah percubaan mengangkat seni tradisional Mek Mulung ke layar televisyen. Pengalaman menonton persembahan-persembahan Mek Mulung membuatkan saya berimpian untuk mengangkat seni pentas tradisional ini ke medium berbeza; layar.

Angin adalah kisah kita semua. Kisah kita yang sedang bergelut dengan identiti bangsa dan konflik-konflik kecil yang boleh meruntuhkan jika tidak ditangani secara bijaksana.

Proses menukangi naskah ini merupakan sesuatu yang amat berharga. Bermula dengan kerja-kerja penyelidikan awal sehinggalah fasa menghasilkan draf demi draf lakon layar. Menjadi kepuasan bagi setiap penulis apabila hasil karyanya ditangani dengan cermat dan diterjemahkan dengan baik oleh seluruh keluarga produksi. Unit Drama Televisyen RTM telah berjaya melakukannya.

Penghargaan juga harus dirakamkan kepada para pelakon. Hairi Safwan, Nadiyah Nissa, Hasnul Rahmat, Taufiq Hanafi dan Amanda Tan telah menghidupkan watak-watak dengan sangat baik.

Angin telah memberikan pengalaman yang amat bermakna dalam perjalanan kerjaya saya sebagai seorang penulis. Seperti angin yang berhembus, citranya seharusnya mendamaikan jiwa. Seperti angin yang bertiup kencang, tulisan-tulisan kita sewajarnya menyegarkan setiap deria sesiapa sahaja yang menikmatinya.

Ingatan buat diri dan kita semua, teruslah berhembus dan teruslah menulis!

Kredit foto: Unit Drama Televisyen RTM

BUSANA LELAKI *Etnik* **SULUK SABAH**

Oleh Roziah Adama

Negeri Sabah mempunyai pelbagai etnik kebudayaan yang menarik dan unik. Etnik Suluk atau Tausug adalah di antara etnik yang mendiami negeri Sabah semenjak pemerintahan Kesultanan Sulu. Semasa pemerintahan Kesultanan Sulu, ramai golongan Datu, Syed, Syarif, Habib dan rakyat Kepulauan Sulu telah dibawa masuk ke negeri Sabah sejak abad ke 15. Masyarakat ini berkembang dan tertumpu di pantai Timur negeri Sabah, khususnya di daerah Sandakan, Tawau, Lahad Datu dan Semporna selain di daerah Kudat di Pantai Barat. Mereka hidup sebagai rakyat Malaysia yang turut bertanggungjawab membangunkan negeri Sabah.

Etnik Suluk Sabah merupakan antara etnik Sabah yang kekal mempertahankan seni budaya tradisi sama ada dalam tarian, perkahwinan, adat resam, budaya makan dan budaya berbusana walaupun telah berhijrah ke negeri Sabah sejak ratusan tahun lalu. Pakaian ditakrifkan sebagai sesuatu yang dipakai untuk membalut badan dari sebarang elemen yang boleh mencederakan anggota, menyesuaikan suhu badan dengan cuaca, menjaga maruah diri dan memberikan keselesaan kepada si pemakai. Situasi ini membentuk pemikiran manusia agar mencipta pakaian yang lebih selesa dan mudah digunakan berdasarkan alam sekeliling.

Webster International Encyclopedia mentakrifkan pakaian sebagai *clothing is one of humanity most important needs and including the various garment*. Dalam hal ini, dapat difahami bahawa pakaian amat penting bagi manusia. Kepentingan terhadap pakaian semakin memuncak apabila kemahiran mereka bentuk pakaian mula dikuasai seiring dengan kemajuan teknologi. Pelbagai jenis kualiti kain dan corak dihasilkan bagi memenuhi cita rasa pemakai yang ingin kelihatan menarik, permintaan yang memuncak menyebabkan para pengusaha, penenun kain dan rupa corak sentiasa tampil dengan pelbagai idea yang segar dan mutakhir.

Sejajar dengan fungsi busana sebagai pelindung tubuh badan, busana juga berfungsi sebagai *adornment and indication of social status* yang bermaksud sebagai perhiasan dan lambang status sosial seseorang. Oleh itu, tidak dapat dinafikan busana etnik Suluk lelaki khususnya direka dengan indah untuk menarik pandangan mata dengan fungsi untuk menonjolkan identiti pemakainya.

Busana lelaki etnik Suluk terdiri daripada dua helai baju, iaitu bahagian luar dan bahagian dalam. Bagi baju di bahagian luar dikenali sebagai *badju kuput* atau *badju lapi*. Manakala bahagian dalam sebagai *kamasita*, *kamasita* ini berwarna putih yang nipis dan singkat, dan tanpa kolar untuk mengelakkan pemakai berasa panas kerana perlu memakai badju kuput atau badju lapi. Busana ini dipadankan dengan *sawwal kuput* (seluar sempit) atau *sawaal kantiyu* (seluar besar).

Busana lelaki juga mempunyai busana pelengkap iaitu *pis siyabit* (tanjak) yang diperbuat daripada sehelai kain tenun kapas berukuran lebih kurang satu meter persegi atau 30 inci sehingga 36 inci setiap persegi. Selain itu, *kandit* atau kain ikat pinggang digunakan untuk mengikat sawwal di bahagian pinggang. Biasanya *kandit* diperbuat kain tenun seperti kain *pis* tetapi pada masa kini *kandit* menggunakan tali pinggang hijau yang lazim digunakan oleh jemaah haji lelaki. Di samping itu, *taumpak* atau kasut dalam bahasa Suluk digunakan oleh lelaki Suluk. Pada zaman dahulu, lelaki Suluk memakai kasut but yang digunakan oleh askar-askar Inggeris yang dipadankan dengan *sawwal kuput*. Namun kini, kasut yang digunakan adalah kasut biasa atau capal yang terdapat di pasaran.

Dari sudut pandang sejarah, sebenarnya busana lelaki etnik Suluk ini diinspirasi daripada busana golongan bangsawan dan pahlawan Suluk pada abad ke 18 yang kemudiannya disesuaikan dan digunakan oleh masyarakat biasa. Cara pakai busana ini didahului dengan memakai *kamasita*, kemudian diikuti dengan memakai *badju kuput* atau *badju lapi*. *Badju kuput* merupakan baju seperti jaket dan mudah disarungkan ke badan, baju ini berlengan dan mempunyai belahan



Sumber : Blogspot Kebudayaan Etnik Suluk.

lurus dari atas sehingga ke bawah baju serta tidak mempunyai sebarang butang untuk menutup di bahagian hadapan baju. *Badju lapi* pula berupa jaket yang berlengan dan sempit, belahan depan badju lapi tidak seperti *badju kuput* kerana mempunyai lebih kain di sebelah kanan manakala di sebelah kiri dipotong lurus ke bawah. Pola kedua-dua baju ini direka dengan potongan yang longgar untuk keselesaan pemakainya agar mudah disarung dan ditanggalkan.



Gambar 1: *Badju kuput* dan *sawwal kuput* (di sebelah kiri) dan *Badju Lapi* dan *sawwal kantiyu* (di sebelah kanan). *Tumbuko bulawan* (butang keemasan) menghiasi busana.

Pemakaian *badju kuput* dan *badju lapi* ini juga turut dipakai oleh Panglima Mat Salleh seorang pahlawan negeri Sabah yang menentang pemberontakan Inggeris pada abad ke 19. Berdasarkan lakaran gambar 2, Panglima Mat Salleh memakai *kamasita* dan *badju kuput*, memakai *kandit* (*kain ikat pinggang*) dan memakai *sawwal kuput* (*seluar sempit*). Dalam bahasa Suluk, *sawwal* bermaksud seluar dan *kuput* bermaksud sempit yang merujuk kepada reka bentuk seluar tersebut. Reka bentuk busana ini menyerlahkan karisma dan kepimpinan Panglima Mat Salleh.

Gambar 2: Lakaran gambar Panglima Mat Salleh

Kredit foto :
Wordpress Pejuang Sabah.



Di samping itu, dalam laporan akhbar *The British North Borneo* bertarikh 16 November 1933:hal 206. Laporan akhbar tersebut memberikan gambaran pakaian Cowie semasa bertemu Panglima Mat Salleh pada 19 April 1898 di Menggatal, Sabah untuk menghadiri sebuah rundingan.

Ada pun Tuan Cowie itu memakai pakaian cara Sulu: berbaju sempit, berseluar sempit, bersulam dan bertekat benang emas dan berdastar.

Gambaran ini menjelaskan bahawa satu ketika dahulu, *badju kuput* dan *sawwal kuput* adalah pakaian pahlawan dan golongan bangsawan. *Badju kuput* yang bersulam dan bertekat benang emas yang dipakai oleh Cowie

merupakan lambang kemewahan dan status Cowie sebagai seorang pegawai Inggeris yang berpengaruh pada zaman pemerintahan Inggeris. Dalam hal ini, semasa pemerintahan Inggeris di Sabah, *badju kuput* dianggap sebagai salah satu busana kebesaran di Borneo.

Tradisi pemakaian *badju kuput*, *badju lapi* dan *sawwal kuput* atau *sawwal kantiyu* terus dilestarikan oleh masyarakat Suluk di negeri Sabah pada masa kini. Busana ini amat popular sebagai busana pengantin lelaki atau sebagai busana penari lelaki kerana keunikannya yang dihiasi dengan ratusan butang-butang berwarna keemasan yang dikenali sebagai *tambuko bulawan* yang dijahit pada keliling leher, belahan baju, bahu dan lengan baju yang dipadankan sama ada dengan *sawwal kuput* atau *sawwal kantiyu*.

Tambuko bermaksud butang dan *bulawan* pula bermaksud emas, penggunaan *tambuko bulawan* ini menyerlahkan keindahan busana ini. Dikatakan pada zaman dahulu golongan bangsawan etnik Suluk menggunakan butang emas

tulen yang bernilai tinggi sebagai lambang status sosial pemakainya terutama bagi busana perempuan, semakin banyak butang emas yang dijahit pada baju semakin tinggi status sosial pemakainya.

Peredaran masa menyebabkan penggunaan butang emas tulen beralih kepada butang berwarna keemasan yang lebih murah dan mudah didapati, perubahan ini seiring dengan perkembangan zaman dan ekonomi yang semakin mencabar. Selain itu, potongan *sawwal kuput* juga turut mengalami perubahan apabila terdapat belahan di hujung sisi seluar untuk memudahkan pemakai memasukkan kaki, bahagian ini turut dihiasi *tambuko bulawan* bagi memperindah busana.

Busana bukan sekadar busana tetapi lambang identiti sesebuah bangsa, etnik Suluk di negeri Sabah sehingga kini terus beradaptasi dengan peredaran zaman untuk memastikan busana etnik Suluk terus kekal dan relevan sehingga ke hari ini.



Sumber : Blogspot Kebudayaan Etnik Suluk.

Oleh: Mohamad Norazlan Zulkfli



Permainan tradisional merupakan permainan zaman lampau yang dicipta oleh masyarakat yang terdahulu untuk mereka mengisi masa lapang dan berhibur bersama keluarga mahupun rakan-rakan. Aktiviti yang pelbagai dan sangat unik ini menjadikan ia seronok dimainkan kerana memerlukan kekuatan fizikal, mental dan pemain perlu berfikir secara terbuka seperti bermain di halaman rumah iaitu permainan ting-ting atau di dalam rumah seperti congkak serta di kawasan terbuka seperti gelanggang, padang, sungai dan pantai dengan permainan seperti Wau dan Perahu Jong. Tambahan pula, kepelbagaian kaum di Malaysia semestinya mempunyai kepelbagaian jenis permainan tradisional yang menarik. Tetapi adakah kita benar-benar tahu akan kewujudan permainan tradisional selain permainan tradisional kaum sendiri. Kita juga perlu menitikberatkan permainan tradisional kaum lain kerana permainan tradisional ini juga melambangkan keakraban kita dalam melayari hidup yang harmoni di bawah satu payung perpaduan negara.

Antara permainan tradisional yang sering kita terlepas pandang atau kurang memberi perhatian adalah permainan kaum Cina yang jarang kita dengar iaitu permainan tradisional Yo-yo cina atau lebih dikenali sebagai *Diabolo* iaitu satu permainan yang unik dan banyak menggunakan pergerakan aksi yang begitu hebat. Yo-yo Cina ialah permainan yang berbentuk gabungan seakan sebuah gasing dan permainan Yo-yo moden tetapi dengan menggunakan kendalian bahan yang berbeza antaranya dengan



menggunakan tali yang diikat pada dua batang kayu kecil serta pemain perlu memegang hujung kedua-dua kayu dan mengimbangi Yo-yo Cina ini daripada jatuh. Pada asalnya, alat permainan Yo-yo Cina tradisional dibuat daripada buluh yang mudah patah dan tidak sesuai untuk aksi-lasak. Sesetengah Yo-yo Cina mempunyai alat yang menghasilkan bunyi apabila dipusingkan dengan laju. Tahap nada

bunyi ini membolehkan pemainnya mengimbangi kelajuan Yo-yo. Pada zaman kini, cakera kayu telah digantikan dengan bahan plastik.

Budaya dan permainan tradisional semakin dilupakan ekoran dunia teknologi yang semakin meluas. Punca terjadinya hakisan sektor kebudayaan ini juga merangkumi kekuatan pada ketua atau seseorang yang menjaga leluhur kebudayaan di negara yang semakin berkurangan. Minat anak muda yang lebih ke arah teknologi dan mengejar sumber kekayaan turut memberi kesan yang mendalam kepada sektor kebudayaan negara. Anak muda lebih cenderung ke arah alam pendigitalan daripada memasuki dunia kebudayaan, mereka lebih berminat bermain permainan digital yang lebih dinamik dan mudah untuk dikendalikan tambahan lagi cara mereka berhubung menggunakan media sosial sudah sinonim dengan keadaan masa kini yang lebih tertumpu ke arah perhubungan secara dalam talian. Zaman dihujung jari ini membolehkan masyarakat melaksana apa sahaja tanpa batasan jika tiada pihak yang membendung perkara ini dan akan melenyapkan sektor kebudayaan negara dalam tempoh 20 tahun lagi. Permainan tradisional tempatan khususnya semakin terhakis, apatah lagi permainan tradisional yang asal-usulnya daripada luar negara dan dijadikan sebagai permainan yang berinovasi yang hanya diwarisi oleh segelintir kaum minoriti iaitu permainan tradisional Yo-yo Cina yang hanya diketahui oleh segelintir masyarakat di Malaysia. Kaum Cina di Malaysia adalah kaum yang paling ramai terdedah terhadap ekonomi tempatan. Ekoran perkara tersebut, kemodenan yang mereka perolehi hasil daripada pendedahan mereka terhadap ekonomi turut memainkan peranan terhadap kehakisan kebudayaan mereka sendiri.

Kita sedia maklum kaum Cina mengamalkan pelbagai adat dan seni tradisional yang pelbagai, lantaran daripada itu cara pengamalan kehidupan yang lebih bersifat moden, ringkas dan kurang menitikberatkan etika kebudayaan pada masa kini juga turut menjejaskan minat generasi muda terhadap etika kebudayaan yang telah dibawa oleh nenek moyang mereka yang berasal daripada tanah besar, sekaligus telah membawa anak muda kaum Cina ke arah kurang berminat untuk terjebak ke dalam dunia kebudayaan dan permainan tradisional yang selama ini telah lama bertapak di Malaysia, apatah lagi anak muda daripada kalangan kaum-kaum yang lain menyertai dan memahami tentang permainan tradisional kaum yang tidak pernah mereka ceburi.

ASAL USUL PERMAINAN YO-YO CINA

Permainan Yo-yo cina merupakan satu permainan tradisional yang melalui proses perubahan yang unik. Yo-yo cina dikatakan berasal daripada satu permainan tradisional yang cukup terkenal iaitu permainan gasing. Perubahan yang dimaksudkan adalah perubahan bermain gasing iaitu gasing bermain di atas tanah atau permukaan rata manakala Yo-yo cina pula perlu bermain tanpa menyentuh tanah dan melakukan pelbagai aksi yang lebih menarik dengan menggunakan dua batang kayu 'stick' beserta tali yang sederhana panjang. Nama panggilan untuk permainan Yo-yo cina juga mempunyai beberapa variasi antaranya Diabolo, Cheling, Dou Kong Zu dan Zhuan Ling. Panggilan nama permainan ini berubah adalah ekoran daripada pengaruh nama setempat. Seperti perubahan nama kepada Diabolo digunakan ketika Yo-yo cina dibawa ke barat pada tahun (1368 – 1644 Masihi) semasa di zaman Dinasti Ming. Manakala di Malaysia pula lebih dikenali sebagai Yo-yo Cina dan Diabolo.



Selain itu, bahan binaan yang sama seperti menggunakan bahan binaan kayu yang leper (cakera) dan juga tali yang agak panjang serta cara bermain iaitu dengan lilitan tali pada cakera telah memperlihatkan lagi Yo-yo cina ini adalah inovasi daripada permainan gasing. Permainan tradisional yang hebat seperti Yo-yo cina ini semakin dilupakan. Zaman berubah ke arah peningkatan teknologi yang telah membawa kepada era baru dalam dunia alat permainan. Permainan tradisional ini mempunyai nilai tinggi yang tersendiri dan perlu di jaga oleh semua pihak agar sentiasa mekar dalam kalangan kita rakyat Malaysia.

KEUNIKAN YO-YO CINA BERTAPAK DI MALAYSIA

Kita sedia maklum, bahawasanya kaum Bumiputera mempunyai permainan tradisional yang tersendiri sejak dari dahulu lagi. Tetapi apakah kita sedar kaum-kaum lain juga mempunyai permainan tradisional tersendiri tetapi permainan tradisional tersebut adalah hasil perubahan yang dibawa oleh tokoh permainan tradisional mereka. Bagi permainan tradisional kaum Cina, Seorang guru yang bernama Feng Ya Ping yang



Permainan tradisional Yo-yo cina

berasal dari negeri Perak adalah seorang tokoh yang membawa Yo-yo Cina ini ke Malaysia. Beliau merupakan graduan daripada *National Taiwan Normal University*, Taiwan. Beliau merupakan antara individu yang mempromosikan Yo-yo Cina sehingga digelar sebagai bapa Yo-yo Cina Malaysia. Feng seorang guru yang sering terlibat dengan masyarakat setempat khususnya dari kalangan komuniti Cina telah berhasrat untuk merubah cara mengisi masa lapang anak muda dan juga pelajarinya daripada terus terbuang begitu sahaja dengan perkara-perkara yang tidak berfaedah. Lanjutan hasratnya untuk merubah tabiat buruk komuniti setempat, beliau telah nekad untuk pergi ke Taiwan bagi mempelajari satu permainan kuno Cina yang sudah popular sejak sekian lama di peradaban wilayah China itu. Yo-yo Cina menjadi pilihannya kerana kos permainan yang tidak mahal juga mempunyai ciri-ciri permainan yang menarik serta sesuai untuk anak muda tempatan telah memikat hatinya untuk mempelajari dan membawa pulang ilmu tersebut ke tanah air untuk disebar secara meluas. Selain itu, Feng turut mempelajari cara untuk menubuhkan sesebuah persatuan ataupun kumpulan permainan Yo-yo Cina bagi mengukuhkan kedudukan Yo-yo Cina apabila permainan ini sudah bertapak di Malaysia kelak .

Perkembangan Yo-yo Cina ini diteruskan sehingga ke hari ini meskipun Feng Ya Ping telah meninggal dunia pada tahun 1998. Persatuan yang ditinggalkan kini menjadi ikutan dengan penubuhan persatuan-persatuan lain antaranya persatuan *Kuala Lumpur Diabolo Association*, *Melaka Diabolo Association* dan Persatuan Kebudayaan Diabolo Negeri Johor. Persatuan ini bergerak secara berkumpulan dalam memberikan perkhidmatan mengajar, bengkel, seminar dan mengadakan pertandingan.

Kesungguhan mendiang dalam membawa Yo-yo Cina ini harus mendapat pujian kerana selain daripada usaha keras untuk membawa permainan ini ke Malaysia, beliau juga telah membuat perubahan terhadap sikap yang lebih disiplin terhadap anak muda. Anak muda lebih cenderung untuk mengisi masa lapang dengan perkara yang lebih berfaedah. Perkara ini serba sedikit dapat menurunkan indeks salah laku dalam kalangan anak muda. Malahan beliau berjaya menghasilkan satu permainan yang asalnya daripada luar negara tetapi acuannya adalah berbentuk corak permainan tempatan.

Walaupun permainan tradisional Yo-yo Cina adalah permainan yang dibawa daripada luar, tetapi khususnya kaum Cina tetap berpendirian teguh untuk menjaga permainan

tradisional nenek moyang mereka, tetapi tidak melupakan untuk menerapkan nilai-nilai kebudayaan tempatan yang sudah sebatu dalam jiwa mereka. Kita sebagai rakyat Malaysia seharusnya bersyukur dilahirkan di negara yang berbilang kaum kerana kita dapat melihat pelbagai permainan tradisional daripada pelbagai kaum-kaum yang ada.

Sebagai generasi baru anak Malaysia, menjadi tanggungjawab untuk kita terus menjaga permainan tradisional tempatan tidak mengira jenis permainan tradisional meskipun daripada kaum-kaum yang lain. Nilai-nilai murni dalam diri beserta tanggungjawab menjaga permainan tradisional akan terus mekar sekiranya kita semua berganding bahu untuk menjayakan permainan tradisional ini supaya terus dipelihara dan mendapat pulangan hasil yang setimpal dengan usaha yang dilakukan.

Kepentingan menjaga dan menaik taraf permainan tradisional ini juga dapat diselaraskan dengan baik sekiranya kita dapat seiringkan dunia teknologi dan kebudayaan secara serentak iaitu dengan cara menerapkan nilai-nilai kebudayaan serta kesenian di dalam dunia teknologi itu sendiri. Langkah menggabungkan kebudayaan juga teknologi dalam satu-satu masa dapat menentukan hala tuju masa depan kebudayaan negara ke arah perpaduan yang memelihara khazanah yang telah lama bertapak di negara kita, disamping mewujudkan satu nilai baru dalam sistem permainan tradisional negara.



PEJUANG BUMI PALESTIN

Oleh: Faziha Sofii

Aku hairan,
Mengapa ada manusia,
yang tidak berhati perut?

Membunuh, menyiksa,
Memenjarakan insan tanpa rasa berdosa.
Menghukum mereka dengan perasaan bahagia dan gembira.

Seolah-olah nyawa itu tiada harganya.
Seolah-olah maruah itu tiada kesuciannya,

Mereka,
Pejuang bumi Palestin.
Bumi yang penuh kisah tauladan dari kebanyakan para nabi.

Dahulunya,
Tanah di sana indah dan harmoni.
Namun kini,
Tanah mereka sudah diratah seakan dilahap bumi!

Bangunan yang tinggi kukuh rekaannya,
sudah binasa angkara manusia jentaka.
Rumah yang didiami mesra bersama keluarga,
sudah hancur dibedal manusia durjana.
Kedai yang menjadi tempat jualan dan beliannya,
sudah musnah ditabrak manusia celaka!



Ibu hilang anak,
Anak hilang ibu dan bapa,
Adik hilang abang,
Suami hilang isteri.
Rata-rata hilang keluarga!

Tiap hari air mata mereka berderai jatuh ke pipi,
Tiap hari juga telinga mereka disapa dengan bunyian bom dan bahan api.

Letih,
Mereka sangat letih!
Seksaan yang mereka hadapi setiap hari,
Sudah memusnahkan segala harapan dan impian yang tersimpan rapat sejak azali.

Tetapi,
Satu yang mereka sematkan dalam hati.
'Letih ini akan digantikan dengan syurga Illahi'.

Ya Rabbi!
Gantikan kesedihan mereka dengan syurgamu,
Berdekad lamanya mereka berjuang sehingga ke titisan darah dan nyawa terakhir.
Mereka hambamu, Ya Rabb!
Hamba yang dianiyai di tanah sendiri tanpa secebis ehsan,
Bantulah mereka,
Bebaskan mereka,
Menangkanlah mereka!
Pejuang bumi Palestin.

P A L E S T I N E





Segmen Khas

Seni Budaya Tradisional, Wajarkah Dipinggirkan ?

Oleh: Eldawati Laung

Definisi Seni dan Budaya merupakan dua entiti yang saling berkait rapat dan bergantung di antara satu sama lain. Seni dan budaya amat berkait rapat dengan identiti, ideologi dan amalan seharian sesebuah kelompok masyarakat. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Ketiga (1997), seni membawa maksud halus iaitu kecil, elok, tipis dan enak didengar iaitu mengenai suara, serta comel bentuk badan. Di dalam buku M.A.J. Beg, *Fine Arts in Islamic Civilization* (1981) ada menyatakan tentang seorang pemikir Islam iaitu Imam al-Ghazali telah memperkatakan bahawa, 'seni itu indah melalui pandangan kecantikan dan keindahan', seni lahir daripada diri sendiri dan tidak untuk yang lain. Menurut Ibn. Khaldun pula, 'seni itu adalah kebenaran, keindahan dan kebaikan di mana di dalamnya terkandung ciri-ciri estetika, etika dan logika. Perkataan 'seni' jika ditambah dengan imbuhan 'ke' (awalan) dan 'an' (akhiran) akan membentuk perkataan 'kesenian' yang membawa maksud yang lebih luas lagi iaitu perihal seni, yang berkaitan dengan keindahan dan ketelitian penciptaan sesebuah karya seni tersebut.

Budaya didefinisikan sebagai perkara-perkara berkaitan dengan budi dan akal. Istilah budi membawa maksud asli, pertama, sejati dan dipandang sempurna manakala akal pula dimaksudkan sebagai daya, jalan fikiran serta ciptaan. Kamus dewan (2005) mendefinisikan kebudayaan sebagai kemajuan fikiran, akal budi (cara berfikir), dan kelakuan. Justeru, kebudayaan boleh didefinisikan sebagai suatu cara hidup yang diamalkan oleh kumpulan tertentu yang meliputi sistem sosial, susunan organisasi ekonomi, politik, agama, kepercayaan, adat resam, sikap dan nilai.

Perkataan tradisional datang daripada perkataan latin '*traditio*' yang bermaksud menyerahkan, menyampaikan, melangsungkan, mewarisi atau

mewariskan dalam erti kata lain, sesuatu yang diperturunkan atau dilanjutkan dalam struktur keturunan, kelompok dan juga daripada kepercayaan sesuatu masyarakat. Tradisional lebih berbentuk budaya, adat, pemikiran atau juga dari segi kebendaan dalam kehidupan masyarakat yang diteruskan oleh generasi kemudian. Contoh seni tradisional adalah seperti seni persembahan (tarian, muzik, teater), permainan tradisional (gasing, congkak, sepak raga, diabolo, kabaddi), seni mempertahankan diri (silat, wushu), dan banyak lagi. Manakala, bagi kebudayaan pula adalah seperti adat resam, makanan tradisional, perayaan, perubatan, busana tradisional dan sebagainya.

Kepentingan seni budaya tradisional perlu diterapkan kepada masyarakat pada masa kini terutamanya kepada generasi muda. Seni dan budaya tradisi mempunyai peranan yang cukup besar dalam menyumbang kepada pembangunan sesebuah masyarakat terutama dalam membentuk sesebuah negara bangsa yang beridentiti.

Tidak dinafikan, generasi masa kini lebih terdedah dalam mengenali kesenian yang berbentuk kontemporari, moden dan popular. Seni persembahan tradisional seperti tarian, permainan, dan muzik merupakan seni persembahan yang kurang popular dan hanya diminati oleh sebilangan golongan sahaja.

Fenomena ini juga terjadi kerana kemajuan teknologi yang semakin berkembang pesat pada masa kini. Penerapan seni budaya dalam diri generasi muda seawal kanak-kanak ataupun dari kecil akan membawa kepada keteguhan jati diri dan perasaan cintakan negara yang kuat dalam diri mereka. Di peringkat bangku sekolah, penglibatan murid dalam aktiviti seni dan kebudayaan amat penting dan boleh memberi kesan positif ke atas

perkembangan diri serta kemajuan akademik mereka. Hubungan baik dengan rakan-rakan dan guru merupakan aspek yang penting bagi mewujudkan persekitaran sekolah yang sihat. Keadaan ini akan mendorong proses pengajaran dan pembelajaran ke tahap yang tinggi serta memberi faedah kepada semua pihak. Semua pihak harus mengambil tanggungjawab dan peranan dalam menyemarakkan juga melestarikan seni budaya negara kepada masyarakat. Malah, aktiviti kesenian dan kebudayaan memainkan peranan penting di dalam membentuk sahsiah serta jati diri murid.

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) merupakan sebuah jabatan yang terulung dalam melaksana dan menyemarakkan aktiviti kebudayaan serta kesenian negara di pelbagai peringkat selaras



dengan hasrat Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya (MOTAC) untuk memajukan Malaysia sebagai sebuah destinasi pelancongan dan kebudayaan bertaraf dunia selain membina jati diri bangsa berteraskan seni, budaya dan warisan negara.

Usaha JKKN untuk terus menyemarakkan dan melestarikan seni budaya tradisional dapat dilihat melalui pelaksanaan program dan aktiviti JKKN dengan menyasarkan kepada semua golongan masyarakat tidak kira bangsa, umur dan lokasi. Ini selari dengan visi JKKN sebagai peneraju seni budaya dalam mendukung seni untuk seni, seni untuk perpaduan dan seni budaya untuk penjana pendapatan kepada pemain industri ke arah pembentukan jati diri dan kesejahteraan masyarakat. JKKN sentiasa proaktif dalam memastikan setiap program yang dilaksanakan dapat memberi impak positif kepada masyarakat agar seni budaya ini terus diminati, diamalkan dan dihargai oleh generasi pada masa kini dan akan datang.



Penetapan program dan aktiviti JKKN adalah berasaskan kepada Pelan Strategik JKKN 2021-2025 yang juga selari dengan Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN). Pelaksanaan program atau aktiviti ini berasaskan lima teras Pelan Strategik JKKN 2021-2025 iaitu:

1. Memperluaskan asuhan dan kemahiran seni budaya untuk pembangunan modal insan.
2. Memperkasakan usaha-usaha pemuliharaan dan pemeliharaan seni dan budaya negara.
3. Mempertingkatkan kebolehcapaian perkhidmatan seni dan budaya kepada komuniti bagi kesejahteraan rakyat.
4. Memperkukuhkan tadbir urus seni budaya untuk menyemarakkan industri.
5. Memperkukuhkan jaringan kerjasama kebudayaan bagi kecemerlangan seni budaya.

JKKN telah melaksanakan pelbagai program dan aktiviti merangkumi usaha memulihara, memupuk, membimbing serta merakyatkan program kebudayaan dan kesenian di pelbagai peringkat. Antara usaha yang dijalankan oleh JKKN agar seni budaya terus dipelihara adalah melalui Program Bimbingan Seni Budaya. Program ini berbentuk asuhan, kemahiran serta latihan yang diberikan kepada para pelajar sekolah rendah dan menengah di seluruh Malaysia. Program Bimbingan Seni Budaya ini turut mendapat kerjasama daripada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sejak tahun 1996. Program ini

melibatkan enam bidang kesenian yang diajar meliputi bidang tari tradisional, teater, muzik, silat, gasing dan seni berbahasa.

JKKN juga terus berusaha bagi memelihara seni budaya tradisional secara berterusan bagi memastikan seni budaya warisan kekal relevan pada masa akan datang melalui program penyelidikan dan perantisan seni. Antara program penyelidikan yang diadakan pada tahun 2022 adalah seperti Lambung Bertih di Kedah, Adat Kelahiran Orang Asli Semai di Negeri Sembilan, Adat Perkahwinan Etnik Bidayuh di Sarawak dan banyak lagi. Program perantisan pula dilaksanakan bagi mencari pelapis aktivis seni budaya secara berkumpulan atau perseorangan dari kalangan generasi muda. Kumpulan ini akan diajar dan dilatih untuk mempelajari seni persembahan tradisional sehingga mahir. Antaranya seperti Wayang Gedek, Teater Tradisional Bangsawan, Gendang Panjang, Gendang Pahang, Anak Umbang, Rebana Mangkuk, Puisi Rejang, Magalai Labuk, Tarian dan Muzik Melanau, Muzik Terinai, Hamdolok, Dhol, Gambus dan Dikir Rebana. Terdapat juga program yang mengangkat kesenian tradisional seperti Panggung Seni Tradisional (PST). Pelaksanaan PST yang telah bermula sejak tahun 2013 telah berjaya memperlihatkan keindahan kebudayaan dan kesenian tradisional masyarakat majmuk di Malaysia.

Bagi menyemarakkan serta melestarikan seni budaya warisan negara, JKKN sentiasa proaktif dalam menyesuaikan kaedah penerbitan dan pendokumentasian seni budaya dengan teknologi masa kini. JKKN telah menerbitkan buku dan video teater tradisional Mek Mulung dalam bentuk AR bagi menarik minat generasi muda mengenali kesenian ini.



JKKN sentiasa memastikan segala maklumat dan informasi seni budaya dapat diperolehi serta mudah diakses oleh masyarakat selain memastikan informasi seni budaya dikemaskini agar dapat dijadikan rujukan sepanjang masa. Melalui Portal Pemetaan Budaya yang merupakan portal perkongsian maklumat seni, budaya dan warisan negara, masyarakat boleh mendapatkan segala

informasi berkaitan kebudayaan dan kesenian (<https://pemetaanbudaya.jkkn.gov.my/>)

JKKN juga sentiasa mempertingkatkan kebolehcapaian perkhidmatan seni budaya untuk memastikan setiap program yang dilaksanakan adalah menyeluruh dan sampai kepada komuniti setempat seluruh Malaysia bagi kesejahteraan rakyat. Pada tahun 2022, Sebanyak lapan Program Pelancongan Seni Budaya akan dilaksanakan oleh JKKN negeri iaitu Pesta Angin Timur Perlis, IFTAR@KL, Festival Kesenian Rakyat Kelate, Festival Kota Selatan, Festival Permainan Malaysia, Festival Seni Hidup, *Rhythm of Kinabalu* dan Festival Gendang Sarawak.

Selain itu juga, JKKN turut melaksanakan Program Pembangunan Latihan Kemahiran Seni Budaya dengan kerjasama Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK). JKKN merupakan Badan Peneraju Industri (*Industry Lead Body* - ILB) Seni Budaya yang telah dilantik oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) Kementerian Sumber Manusia pada tahun 2018 yang bertanggungjawab dalam memperkasakan bidang kemahiran seni budaya. Program ini merupakan pengiktirafan kepada penggiat seni budaya yang berkemahiran,

berpengetahuan dan berkualiti melalui program Persijilan Kemahiran Malaysia Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (SKM-PPT) dan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) bidang seni budaya (tari, teater, muzik dan pengurusan pentas) di bawah JKKN sebagai Badan Peneraju Industri Seni Budaya.



Pada tahun 2022, JKKN telah mengadakan 521 program/aktiviti yang dijalankan menerusi jalinan kerjasama Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC), agensi-agensi lain, kerajaan negeri dan NGO. Capaian pelaksanaan program/

aktiviti bagi tahun 2022 adalah melebihi capaian tahun 2021 iaitu sebanyak 390 program/aktiviti. Daripada aspek jumlah khalayak, JKKN telah mencapai khalayak fizikal pada tahun 2022 seramai 454,514 orang. Bagi khalayak bukan fizikal yang merangkumi jumlah pengikut Laman Sesawang JKKN, Laman Pemetaan Budaya JKKN dan Media Sosial JKKN (Facebook, Youtube, Twitter dan Instagram) berjumlah 1,192,373 orang. Manakala, bilangan peserta yang menyertai program JKKN di seluruh negara pula adalah seramai 41,380 orang. Ini telah membuktikan seni budaya masih diterima umum oleh masyarakat setempat khususnya di Malaysia.

“

Pada tahun 2022, JKKN telah mengadakan 521 program/aktiviti yang dijalankan menerusi jalinan kerjasama Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC), agensi-agensi lain, kerajaan negeri dan NGO.”

Peranan untuk mengekalkan seni budaya warisan agar terus relevan bukan hanya bergantung kepada JKKN sahaja, tetapi juga harus melibatkan kerjasama daripada pelbagai pihak. Usaha untuk menyemarakkan dan melestarikan seni, budaya dan warisan sudah pasti memerlukan kerjasama serta penglibatan pelbagai pihak. Kerjasama strategik di antara agensi kerajaan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) perlu diwujudkan bagi memastikan warisan terus kekal relevan pada masa akan datang. Peranan Kementerian/Jabatan, Kerajaan Negeri dan Badan Berkanun yang lain adalah sama penting dalam melaksanakan strategi dasar ini di dalam pengurusan harian juga pelaksanaan dasar-dasar semasa. Peranan pihak swasta serta pertubuhan-pertubuhan kebudayaan

turut diperlukan untuk memainkan peranan menjalankan usaha pembinaan dan kemajuan kebudayaan di peringkat organisasi masing-masing, seterusnya membiayai penajaan program atau projek-projek kebudayaan. Malah, usaha memartabatkan seni budaya ke tahap cemerlang adalah usaha yang perlu dilaksanakan dengan penglibatan semua pihak.

Luahan kebimbangan tentang masa depan seni persembahan tradisional terutama bangsa Melayu khususnya sudah lama dizahirkan oleh pelbagai pihak yang berkaitan. Ini termasuklah budayawan, ilmuan dan penggiat seni itu sendiri. Bahkan ada juga yang meletakkan sebab dari pengaruh penularan budaya popular barat sebagai punca utama kepada ancaman kelestarian seni persembahan tradisi. Walau apapun pokok pangkalnya, meletakkan seni tradisi untuk terus gah perlu sentiasa diikhtiarkan. Ikhtiar ini pula perlulah merentasi batas kebiasaan agar seni tradisi itu tidak sentiasa pada tahap di 'takuk yang lama'. Justeru itu, kaedah persembahan dan cara mempromosikannya juga perlu sentiasa difikirkan, diinovasikan agar selari serta tidak janggal dengan kaedah penyampaiannya di mata generasi pada dekad ini. Contohnya, menggunakan teknologi terkini dalam menghebahkan aktiviti seni budaya kita dalam masyarakat pada hari ini. Penggunaan platform laman sosial seperti *Facebook*, *Tiktok*, *Youtube*, *Instagram* perlu untuk terus menguar-uarkan berkaitan seni budaya warisan negara, seiring dengan arus teknologi kini. Penggunaan platform media sosial juga perlu untuk mempengaruhi masyarakat terhadap seni budaya.

Minat dan pemahaman seni budaya perlu diterapkan sejak kecil lagi. Penerapan serta pembangunan seni budaya dalam kalangan kanak-kanak bukan sekadar hiburan semata-mata, sebaliknya membantu pembangunan modal insan seseorang termasuk sahsiah diri. Penyediaan latihan dan bimbingan seni budaya kepada setiap lapisan masyarakat terutamanya kanak-kanak bertujuan meningkatkan kefahaman serta kecintaan terhadap seni budaya ke arah melahirkan bangsa Malaysia yang kaya dengan budaya warisan serta kesenian luhur, beridentiti dan mempunyai jati diri.

Kerajaan melalui Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) sentiasa mencari jalan bagi membantu para pemain industri yang terdiri daripada penggiat seni budaya untuk terus mempersembahkan karya-karya seni mereka. Penganjuran aktiviti seni budaya pada masa kini telah diterima baik dan mendapat sokongan daripada masyarakat. Ruang dan peluang yang disediakan oleh kerajaan diharap dapat terus menyemarakkan aktiviti seni budaya di negara kita. Pemberian insentif-insentif oleh kerajaan juga telah membantu penjana ekonomi penggiat seni budaya seperti Geran Sepadan Sektor Kebudayaan (GSSK) oleh MOTAC dan Insentif Seni Kewangan oleh JKKN. Sokongan daripada semua pihak diperlukan bagi memastikan seni dan budaya yang ada pada masa kini terus dipelihara juga dihargai oleh masyarakat.

Kelestarian dan pengkomersialan seni persembahan tradisional dalam konteks industri kreatif amatlah penting. Perubahan paradigma diperlukan demi memastikan warisan tradisi seni persembahan tradisional Melayu terus relevan meredah arus masa dan zaman. Seni persembahan tradisional Melayu perlu dilihat sebagai komoditi yang mempunyai potensi serta nilai komersial yang tinggi tanpa menidakkan kepentingan dalam menjaga keasliannya. Arus budaya popular yang selama ini dianggap sebagai musuh perosak budaya, seharusnya dilihat secara positif sebagai saluran untuk mengkomersialkan produk berunsurkan seni persembahan tradisional Melayu dalam pasaran. Malah, selain daripada bijak dan mahir seni, para penggiat seni perlu kreatif dalam menghasilkan produk berasaskan elemen seni persembahan tradisional yang unik, segar serta menepati cita rasa konsumer semasa. Penggiat seni tradisional perlu menguasai kemahiran keusahawanan sebagai kunci kejayaan dalam industri kreatif. Mereka perlu bijak mempromosi dan mengkomersialkan kesenian dalam bentuk atau kaedah baru tanpa menghilangkan keaslian nilai estetika kesenian.

Semoga JKKN dapat terus memperjuangkan seni budaya negara agar kekal relevan dalam arus pemodenan masa kini. Sebagai sebuah jabatan yang bertanggungjawab dalam melaksana dan menyemarakkan aktiviti seni budaya negara, Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya (MOTAC) termasuk jabatan dan agensi di bawahnya akan terus memastikan seni budaya warisan negara dipelihara juga dipulihara serta disemarakkan oleh semua lapisan masyarakat di Malaysia. Semoga usaha-usaha pembangunan seni budaya di Malaysia dapat dipertingkatkan demi kelestarian seni budaya dan warisan bangsa.



Permainan
Tradisional:

Wau

Oleh: Nur Amalia Shafiqah Mohd Zain



Wau merupakan antara aktiviti sukan udara yang amat popular dalam kalangan masyarakat Melayu. Selain mampu terbang tinggi di udara dan corak yang unik, wau turut diminati oleh pelbagai golongan. Perkataan 'Wau' dipercayai berasal daripada Kerajaan Melayu Pattani. Kemunculan nama 'Wau' dikatakan berkait dengan daripada hasil bunyi daripada busur yang diikat pada wau. Apabila dinaikkan ke udara, ibus yang dipasang pada busur akan menghasilkan bunyi 'wau', secara berirama. Nama wau banyak digunakan pada negeri di bahagian timur dan juga utara seperti Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis manakala di bahagian Pantai Barat dan Selatan menggunakan perkataan layang-layang. Permainan wau juga telah diperkenalkan di peringkat antarabangsa. Sebagai contoh, di *Pasir Gudang World Kite Festival* yang diadakan pada setiap tahun.

Menurut sejarah, wau telah dihasilkan sejak dari tahun 711 Masihi. Ada lagenda menyatakan bahawa wau berasal dari negara China sejak 3000 tahun yang lalu. Penduduk China telah menggunakan wau bagi menghantar makanan

kepada penduduk yang terperangkap di bukit atau gunung semasa banjir. Wau juga dikaitkan dengan semangat padi. Permainan wau dimainkan sebagai salah satu cara untuk memohon maaf kepada semangat padi yang telah menjelma menjadi seorang anak. Mitos 'Semangat Padi' dikatakan berasal daripada Kedah. Dalam kisah tersebut, terdapat sepasang suami isteri yang juga merupakan seorang petani di sebuah kaki bukit telah menjumpai seorang bayi perempuan dan mereka telah menjaganya sehingga dewasa. Disebabkan suami ingin mengucapkan syukur dan terlalu menyayangi anak tersebut, beliau selalu membawakan makanan untuk gadis itu di tempatnya bermain iaitu di baluh padi. Perbuatan itu membuatkan si isteri cemburu, lalu menyebabkan anak gadis itu disiksa sehingga dia melarikan diri mengikut arah mata angin barat.

Akibatnya, pada tahun tersebut padi yang dikerjakan tidak menjadi. Menurut Tok Nujum, anak gadis itu merupakan semangat padi dan menasihatkan mereka untuk membuat sebuah lembaga yang menyerupai Wau Bulan dan diterbangkan menggunakan tali jerami. Walaupun sejarah wau tidak dapat diketahui dengan jelas, namun menurut buku Sejarah Melayu iaitu Sulalatus Salatin, permainan wau ini bermula pada zaman pemerintahan Sultan Mahmud Shah (sekitar tahun 1488-1511).

Permainan wau merupakan salah satu permainan tradisional di Malaysia. Permainan wau telah menjadi tradisi selepas musim menuai. Kebiasaan mereka bermain wau untuk menghilangkan rasa penat setelah bekerja di sawah. Tukang-tukang wau yang mahir akan membuat wau dengan cara tersendiri dalam mengukur dan menimbang ketika meraut buluh rangka wau. Selalunya petua diperoleh daripada orang-orang tua, namun kebolehan sebenar datang melalui pengalaman persendirian. Cara meraut buluh dengan tepat dan memasang rangka wau akan menentukan kecantikan wau serta disokong dengan teraju yang dipasang dengan tepat. Bukan itu sahaja, terdapat beberapa tempat dan daerah yang akan mengadakan satu pesta tahunan atau pertandingan wau tercantik di antara daerah-d a e r a h .

Sebagai contohnya, Pesta Wau Kebangsaan Kelantan yang telah berlangsung pada 11-13 Ogos 2022 bertempat di Pantai Geting, Tumpat oleh Kerajaan Negeri Kelantan melalui Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan (TIC) dengan kerjasama Majlis Daerah Tumpat, Persatuan Layang-Layang Kelantan (PELAYANG) dan Majlis Pelayang Malaysia. Pesta Wau ini telah diadakan sejak tahun 1982.

Bahan-bahan mentah yang diperlukan untuk membuat



wau adalah seperti buluh, kulit rotam, gam daripada pokok kayu dan lain-lain bahan yang bersesuaian. Setelah selesai mencari buluh yang sesuai, buluh yang dicari akan diraut. Proses meraut buluh penting bagi membuang bahagian-bahagian yang tidak diperlukan lagi seperti ruas dan kulit serta bagi tujuan untuk memberi k e s e i m b a n g a n pada bentuk juga menentukan berat



bagian sayap wau. Antara bahagian buluh yang perlu diraut adalah seperti bahagian tulang belakang, bahagian bilah sayap di kedua-dua bahagian dan juga pada bahagian ekor.

Setelah bingkai wau siap dibina, satu lapisan asas yang dipanggil tanah akan dipasang pada wau, bertujuan agar wau tersebut tahan lasak kerana sifat utama kertasnya yang lebih kenyal dan tidak ditembusi angin. Pemasangan dimulakan dengan mengukur kertas dengan saiz bingkai dan ditanda dengan pensil. Antara petua yang diberikan adalah perlu dilebihkan sedikit sehingga dua sentimeter daripada rangka bingkai. Setelah itu, proses memotong wau tersebut dan lebihan tadi dipotong dalam bentuk 'V' sebelum melekatkan kertas tersebut pada bingkai dengan menggunakan gam kanji. Seterusnya merupakan proses mengukur, melukis, dan mencorak. Ini merupakan antara elemen utama yang menjadikan wau tersebut unik dan istimewa. Antara langkah yang terlibat adalah dengan melipat kertas warna di bahagian sayap dan juga ekor. Melukis di bahagian dada sehingga hujung sayap dengan menyediakan satu ruang kosong untuk ruang tapak kijang.

Corak yang dilukis pada bahagian ekor mestilah sama dengan corak di bahagian sayap. Corak perlulah dipotong dengan pisau tajam yang khas. Setelah wau siap dibina, wau akan ditimbang terlebih dahulu sebelum dinaikkan supaya kepala dan sayap menjadi sama imbang. Proses ini dilakukan bagi mengelakkan wau berpusing. Lanjutan daripada itu proses penyediaan teraju wau itu merupakan benang yang diikat pada leher dan pinggang wau yang sempurna. Proses ini sangat penting kerana akan mempengaruhi kedudukan wau agar dapat terbang dengan baik. Setelah siap, wau sudah bersedia untuk dinaikkan. Menaikkan wau mestilah dalam keadaan yang bertentangan dengan arah tiupan angin dan wau mestilah dalam keadaan tegak.



Pada kebiasaannya, wau dimainkan secara dua orang pemain sahaja. Juru anjung sebagai pemegang tali dan juru tarik sebagai pemegang wau. Pada zaman dahulu, terdapat dua cara bermain wau. Pertama sekali adalah wau diperagakan ketika ia sedang naik dan berada di udara dan cara kedua



dengan mendekati dua wau atau lebih wau yang sedang naik sehingga talinya bersilang. Pada ketika itulah pemain akan menegang dan mengendurkan tali bagi memutuskan tali lawan mereka. Pemenang akan dikira pada wau yang terakhir putus.

Terdapat beberapa jenis Wau dan antaranya ialah Wau Bulan, Wau Kucing, Wau Daun, Wau Merak dan beberapa wau yang lain. Wau Bulan merupakan wau yang paling popular di Malaysia. Menurut legenda Wau Bulan dikatakan bermula pada zaman Kerajaan Srivijaya yang digunakan oleh seorang putera bernama Dewa Muda. Corak bunga pada badan dan daun wau Dewa Muda dikatakan merupakan peta daerah yang dikuasai. Badannya berbentuk seakan-akan bulat manakala ekor pula berbentuk bulan sabit. Terdapat bentuk bulat iaitu bulan penuh yang terdapat pada bahagian pinggang wau. Maka wau tersebut terlihat seperti bulan yang terbit di angkasa apabila diterbangkan. Bentuk Wau Bulan ini menjadi lambang syarikat penerbangan (MAS), namun sesetengah pihak mendakwa logo ini diilhamkan oleh Wau Kucing

Wau kucing pula mempunyai bentuk badan sayap sedikit bujur, ekor pula berbentuk ekor ikan dan bahagian pinggang yang sedikit ramping serta Wau Kucing merupakan sejenis layang-layang yang popular. Ketika diterbangkan, wau itu akan mengeluarkan bunyi yang nyaring seperti kucing. Wau Kucing dipercayai bagi menakutkan roh jahat dan meramal keadaan cuaca pada keesokan hari. Motif ukiran yang digunakan pada Wau adalah motif bunga dan tumbuh-tumbuhan serta cara hiasannya sama seperti Wau Bulan.

Wau Daun yang turut dikenali sebagai Wau Barat juga merupakan jenis layang-layang yang popular. Wau ini merupakan wau tradisional yang diturunkan secara turun menurun di Malaysia. Wau ini juga mempunyai corak, namun corak tersebut dilukis dan tidak menggunakan teknik sobek iaitu potong dan tampal, sebagaimana wau yang lain. Wau ini juga satu-satunya wau yang tidak mempunyai pedengung. Masih lagi terdapat beberapa wau yang lain yang mempunyai bentuk dan corak yang berbeza. Sebagai contoh seperti Wau Jala Budi, Wau Kenyalang, Wau Helang, Wau Merak dan wau yang lain.

Namun pada masa kini, wau kurang mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat. Kebanyakan masyarakat terutama sekali generasi muda lebih menyukai budaya barat yang lebih *trending*. Mereka juga lebih suka memilih permainan yang mudah seperti permainan aplikasi telefon pintar. Malah,

terdapat segelintir generasi muda pada masa kini yang tidak mengenali permainan wau yang merupakan permainan tradisional pada zaman dahulu. Wau merupakan khazanah masyarakat Melayu yang tinggi nilainya. Jika permainan wau ini tidak menjadi hobi dan permainan masyarakat melayu pada masa kini, dikhuatiri warisan seni budaya ini akan terus pupus. Penedahan perlu dilakukan serta dipergiatkan agar warisan Melayu tidak lenyap.

Secara kesimpulannya, diharapkan agar semua pihak terlibat dalam usaha memelihara wau sebagai salah satu warisan Melayu yang patut dibanggakan. Peranan permainan tradisi ini mempengaruhi kehidupan orang Kelantan apabila wujud lagu dikir barat yang dicipta oleh Seman bin Mamat iaitu tokoh seni budayawan Kelantan.

*E wau Bule
E wau Bule
E wau Bule
Teraju Tigo*





ASIMILASI MUZIK TRADISIONAL DALAM MUZIK KONTEMPORARI

Oleh: Sarah Samsudin

Muzik tradisional merupakan salah satu elemen budaya dan warisan bagi mana-mana ketamadunan. Di Malaysia, muzik tradisional sarat dengan alunan melodi serta lirik yang mempunyai identiti yang tersendiri. Interaksi budaya antara kaum di Malaysia juga turut mengundang kepada saduran melodi dan terjemahan lirik yang pelbagai. Peredaran masa membuatkan alunan melodi berubah dan tidak kurang juga dapat memberi nafas baharu kepada muzik tradisional dengan adanya kolaborasi bersama muzik kontemporari.

Bermula pada awal 1990-an, apabila era globalisasi melanda dunia, dunia muzik tradisional di Malaysia juga berubah. Era globalisasi telah mempengaruhi dunia muzik tradisional di Malaysia dan telah membentuk muzik kontemporari yang menerapkan nilai-nilai muzik barat dan tidak berpaksi kepada nilai-nilai budaya timur. Perniagaan industri muzik barat yang dikenali sebagai 'Anglo-American' sering dinyatakan oleh kebanyakan penyelidik dan pengarang dalam bidang muzik popular sebagai satu bentuk penjajahan budaya barat yang mula merombak segala ciri keaslian dan keindahan pernyataan muzik tempatan kepada satu bentuk produk komersial yang tidak lagi berpaksi kepada mana-mana jenis muzik suku kaum tetapi lebih banyak memberi penekanan kepada pasaran antarabangsa.

Di negara kita, keadaan yang berlaku sekarang menampakkan satu rupa penjajahan budaya barat ke atas budaya tempatan. Penjajahan ini nampaknya berjaya kerana rata-rata dalam dunia muzik, pembangunan industri kita semakin condong ke barat. Penerimaan golongan muda dalam muzik berbentuk kontemporari ini menyebabkan pemain irama tradisi perlu mengambil inisiatif dalam berkolaborasi dengan muzik kontemporari seterusnya menerapkan nilai-nilai budaya di dalam muzik kontemporari supaya membawa identiti ketimuran.

Sebagai sebuah bangsa yang merdeka, kita tidak mahu kehilangan maruah serta jadi diri. Kita juga tidak mahu muzik kita terus dijajah dengan unsur-unsur kebaratan sehingga anak muda terlupa dan tidak terdedah dengan alunan muzik tradisi. Satu perubahan dalam dunia muzik kontemporari diperlukan yang membawa elemen muzik tradisi agar tidak lapuk ditelan zaman.

Pertemuan bersama dengan saudara Kamrulbahri Mohd Hussin di seksyen 17 pada 22 Jun 2023, memberikan tim editorial satu pengalaman baharu apabila beliau menerangkan kepada tim editorial usaha yang dilakukan dalam memperjuangkan muzik tradisi pada masa kini. Beliau menerangkan bahawa ada sahaja onak dan liku-liku bergelar insan seni, namun dia tetap percayakan segala rezeki yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Ini tidak bermaksud beliau menyerahkan sepenuhnya apa yang terjadi kepada takdir tanpa sebarang usaha, tetapi memberi satu keyakinan kepada beliau untuk meneruskan kerjaya dalam memperjuangkan seni tradisional yang kurang dipilih oleh anak muda.

Tim editorial Citra Budaya seolah-olah ditransportasi ke zaman yang lain apabila berada di bengkel tempat beliau berlatih alatan muzik tradisional bersama pelajar asuhan beliau. Beliau menerangkan bahawa seseorang yang bermain muzik memerlukan pembawakan jiwa dan rasa agar alunan muzik yang dimainkan lebih indah. Oleh yang demikian, minda dan hati seseorang pemain muzik tradisional yang diasuh hendaklah ikhlas dalam latihan serta bukan dalam keadaan terpaksa.

Apabila pemain alat tradisi sendiri gemar akan alunan muzik tersebut, secara tidak langsung akan membuka minda untuk mencuba menerapkan unsur muzik kontemporasi dan penciptaan lagu-lagu baharu yang sezaman. Perkara ini penting agar muzik tradisi dapat masuk semula ke dalam arena arus perdana hiburan, dengan harapan genre lagu tradisional kontemporari dapat mengembalikan zaman kegemilangan penyanyi irama tradisional pada suatu ketika dahulu.



CABARAN

Semasa temubual bersama ikon Citra Budaya sebelum ini, saudara Kamrulbahri ada memberitahu tim editorial bahawa cabaran yang dihadapi oleh pengiat muzik tradisional dalam mengekalkan kesenian muzik tradisional ini adalah kekurangan pelapis yang mempunyai kepakaran khusus untuk membaiki peralatan-peralatan tradisional. Menurut saudara Kamrul, setiap pemain alat muzik tradisional memerlukan alat yang dibuat khusus untuk mereka agar alunan muzik tradisional yang dimainkan lebih merdu. Namun begitu, setiap pemain muzik mempunyai kekangan waktu untuk membaiki alat muzik sendiri kerana mereka mempunyai tuntutan persembahan yang padat. Oleh yang demikian, pelapis muda bagi membaiki alat muzik tradisional amat diperlukan agar alat muzik tradisional ini dapat dipulihara bagi generasi yang akan datang.

Subjek kemahiran pembuatan alat muzik tradisi perlu diadakan semula di pusat pengajian tinggi yang menawarkan khusus muzik. Mungkin institusi akan mengalami kesukaran untuk mendapatkan tenaga pakar bagi menjadi perintis subjek tersebut, tetapi jika kita tidak mempunyai latihan yang khusus yang boleh digunapakai pada mulai sekarang, dikhawatiri golongan muda tidak dipupuk dengan minat mempelajari cara pembuatan dan pembaik pulih alat muzik tradisional yang mereka mainkan.



Bayangkan jika alatan-alatan tradisi kaum pedalaman yang menjadi kebanggaan masyarakat tertentu semakin dilupakan, apakah kita hendak membiarkan sahaja budaya dan kesenian unik di negara kita luput ditelan zaman? Kebanyakan generasi muda gemar untuk bermain alatan kontemporari kerana lebih mudah untuk diperolehi di kedai-kedai alatan muzik berbanding alatan tradisional.

Saudara Kamrulbahri juga gigih mengolah lagu-lagu semasa dengan menambah elemen tradisi di dalam skor muzik semasa bagi menambahkan elemen klasik yang memberikan rasa yang lebih indah dalam susun atur lagu tersebut. Ini juga menunjukkan bahawa alatan tradisi tidaklah hanya sezaman atau hanya boleh dimainkan pada genre irama Malaysia sahaja tetapi telah memecahkan stereotaip tersebut apabila alatan tradisi juga dimasukkan dalam lagu *genre* yang lain.

Beliau yang mampu bermain hampir kesemua alatan muzik tradisi turut memberitahu tim editorial bahawa negara ketandusan pelapis muda yang betul-betul berminat dengan alat muzik tradisional. Kebanyakan generasi kini lebih cenderung untuk bermain alatan muzik moden yang mudah didapati di kedai-kedai muzik konvensional berbanding alatan muzik asli. Meskipun terdapat usaha institusi pendidikan untuk memberikan pelajar muzik moden pendedahan kepada muzik tradisional, tetapi hati mereka lebih cenderung untuk menjadikan muzik moden sebagai alat muzik utama mereka.



Satu tindakan yang efektif perlu dilakukan oleh generasi muda khususnya dalam mengembalikan martabat muzik tradisional dalam alunan muzik kontemporari. Generasi muda perlu memainkan peranan yang penting dalam usaha tersebut. Penyerapan

muzik tradisi dalam muzik tradisional dapat memberikan satu gaya tersendiri terhadap susunan lagu serta melodi secara keseluruhan. Ini memberikan satu dinamik kepada penghasilan lagu yang versatil dan mampu bertanding dengan lagu-lagu terkini bukan sahaja di peringkat lokal, malah di peringkat antarabangsa.

Setiap organisasi yang menyumbang kepada kebudayaan dan kesenian dan warisan negara juga perlulah sentiasa bersama-sama dan tidak berpecah dalam kelompok yang kecil dalam usaha menyemarakkan asimilasi muzik tradisi di dalam jiwa golongan muda. Bak kata pepatah, bersatu teguh, bercerai roboh. Begitu jugalah dalam usaha untuk mewarnakan muzik kontemporari dengan adunan muzik tradisi ini.

ASIMILASI MUZIK TRADISI

Apabila berlakunya asimilasi muzik tradisi dalam muzik kontemporari secara tidak langsung kita boleh memperkembangkan seni tradisi yang lain yang bukan sahaja pada alat muzik tradisi, tetapi pada susun atur kata-kata indah, samada dalam bentuk lirik ataupun pun membawa penggunaan bahasa Melayu dan bahasa suku kaum di Malaysia ke peringkat antarabangsa.

Pengenalan budaya kita bukan sahaja akan memberikan impak yang positif kepada peningkatan ekonomi, malah dapat memperkenalkan kepelbagaian budaya negara kita di peringkat dunia. Asimilasi muzik dalam memperkenalkan budaya ini dilihat sebagai agen yang paling berkesan seperti mana fenomena J-Pop dan K-Pop yang mampu meningkatkan sektor pelancongan dan juga memperkenalkan pelbagai jenis keunikan budaya mereka yang berbeza daripada budaya lain.

Usaha penerapan muzik tradisi dalam muzik kontemporari tidak boleh dipandang enteng sahaja. Malah, perkara ini perlu dilakukan secara konsisten dan menyeluruh dengan penglibatan lebih ramai pengiat muzik kontemporari di negara kita. Apabila ramai yang menghasilkan lagu-lagu dengan penggabungan muzik dan elemen budaya, lambakan ini akan menjadi seperti satu kempen untuk menggalakkan lagu kontemporari tradisional ini mendapat tempat di hati masyarakat di Malaysia.

Dengan ini, kita juga boleh memulakan fenomena gelombang lagu tradisi ke peringkat global seperti mengadakan *trend-trend* yang boleh menjadi ikutan golongan muda di sosial media. Dari situ, ramai bakat baharu boleh kita peroleh samada daripada mereka yang mempunyai latar belakang pendidikan muzik ataupun tidak. Kemahiran dan minat bermain alat muzik tradisi akan menjadi satu ikutan seterusnya dapat melahirkan lebih banyak pelapis baharu.

Sebelum mengakhiri temubual bersama dengan saudara Kamrulbahri, dia juga menyuarakan hasrat agar lebih banyak lagi warga muda menggunakan platform media sosial seperti *tiktok* untuk memperkenalkan muzik tradisi dalam lagu-lagu kontemporari supaya masyarakat lebih terbuka dan melihat sendiri asimilasi muzik tradisi ini dalam muzik kontemporari dengan lebih meluas.

Ini penting kerana masih ramai lagi yang belum terdedah dengan inovasi alatan muzik tradisi dan hanya melihat alatan tradisi ini sebagai satu alat muzik yang tidak dapat menjangkau peradaban dan kemodenan. Kita boleh lihat juga bagaimana, kumpulan Floor 88 contohnya menerapkan unsur-unsur tradisi di dalam lagu mereka dengan membawa konsep kebudayaan agar tidak dilupakan oleh generasi baharu. Mentaliti bahawa muzik tradisi tidak dapat dipopularkan pada masa kini perlu diubah kerana generasi kini memang dahagakan keunikan dalam *arrangement* muzik masa kini.

Kolaborasi ini tidak hanya bertumpu kepada lagu bahasa Melayu sahaja, boleh jadi juga lagu-lagu popular bahasa inggeris mendapat nafas baharu dengan penggabungan alatan muzik tradisi dalam lagu tersebut. Ada kalanya, muzik barat perlukan sedikit penggabungan budaya bagi mendapat tempat di hati penduduk global. Penerapan budaya dalam muzik kontemporari dapat memberikan identiti tersendiri yang unik dan dapat menjadi duta kecil tentang seni budaya negara kita yang berbilang kaum, bangsa dan agama.





Cerita Muka Hadapan

JKKN MEMPERKASA PERSIJILAN Kemahiran Seni Budaya

Oleh: Amirulazam Ibrahim

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) merupakan Badan Peneraju Industri - *Industry Lead Body* (ILB) bidang Seni Budaya yang telah dilantik oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) Kementerian Sumber Manusia pada tahun 2018 bagi menerajui sektor industri berdasarkan *Malaysia Standard Industrial Classification (MSIC)* bertujuan memangkin pembangunan sumber manusia mahir melalui Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM). Pelantikan ILB adalah berdasarkan peranan dalam mempertingkatkan peratusan tenaga kerja mahir di pasaran dan sebagai jurucakap kepada industri yang diwakili. ILB bertindak menjadi penghubung dalam memberi maklumbalas secara terus kepada JPK berkaitan keperluan bidang, perkongsian pintar, merancang dan memacu pertumbuhan serta perkembangan industri. ILB turut mencadangkan mekanisma terbaik dalam memartabatkan TVET dan mempromosikan SPKM kepada industri.

PERANAN JKKN SEBAGAI BADAN PENERAJU INDUSTRI (ILB) SENI BUDAYA

JKKN ILB Seni Budaya juga merupakan Pusat Bertauliah Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) bagi latihan kemahiran program tarian tradisional tahap dua dan tiga serta program nyanyian tahap tiga melibatkan perantis daripada PERMATA Seni Tari dan Koir. Peranan JKKN sebagai

ILB adalah mempromosikan program Persijilan Kemahiran Malaysia (SKM) bidang seni budaya di seluruh negara bagi 20 Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (*National Occupational Skills Standard - NOSS*) di bawah ILB iaitu program Tari, Teater, Muzik, Pentas dan pengiktirafan kemahiran Penggiat Seni Budaya melalui SKM Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT). ILB turut melaksanakan sesi bimbingan dan





bengkel, galakan kepada industri bagi program SLDN, jaringan kerjasama strategik bersama Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA), Syarikat Seni, Persatuan Seni Budaya, Prasarana seni persembahan dan libat urus bersama pihak berkepentingan bagi memacu industri seni budaya dalam aspek pembangunan sumber manusia mahir.

KERJASAMA STRATEGIK BERSAMA AKADEMI SENI BUDAYA DAN WARISAN KEBANGSAAN (ASWARA)

Dalam usaha memperkasa Penggiat Seni Budaya yang kompeten dalam industri, JKKN ILB Seni Budaya dengan kerjasama strategik Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) sebagai Pusat Penilaian Amali bertauliah JPK telah melaksanakan Sesi Penilaian Amali Persijilan Kemahiran Malaysia Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (SKM-PPT) bertujuan mengiktiraf Penggiat Seni Budaya berkemahiran berdasarkan kompetensi Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan program Tari, Teater, Muzik dan Pentas untuk SKM:

- Seni Lakon Teater Tahap Tiga
- Nyanyian Tahap Tiga
- Persembahan Muzik Tradisional Tahap Dua
- Persembahan Tarian Tradisional Tahap Dua
- Operasi Produksi Pentas Tahap Dua

Seramai 26 orang calon JKKN ILB iaitu Penggiat Industri Seni Budaya daripada Persatuan Seni Budaya dan Syarikat Seni telah menjalani sesi penilaian amali SKM-PPT yang telah dilaksanakan pada 8 dan 9 Oktober 2023 bertempat di Panggung Eksperimen ASWARA, Kuala Lumpur. Program telah disempurnakan oleh YBrs. Ts. Dr. Jazmi Izwan Jamal, Pengarah Future Creative School (FCS) ASWARA pada 8 Oktober 2023 turut dihadiri oleh Encik Mohd Rizal Ismail, Pengarah Bahagian Pembangunan Produk Seni Budaya JKKN, Puan Nurul Shazwane Othman, Penyelaras Pusat Penilaian Amali ASWARA bersama-sama Puan Faizah Harun, Pengarah Bahagian Hubungan Industri dan Kerjasama Strategik (BHIKS) JPK dan Puan Safiza Saleh, Penolong Kanan Pengarah BHIKS selaku Penyelaras ILB kepada JKKN.



Seni Lakon Teater Tahap Tiga

- Datuk Hajah Fauziah Nawi - Sanggar Teater Fauziah Nawi (STEFANI)
- Tuan Haji Kamaruzaman Haji Ibrahim (Kamarul AR) - Pertubuhan Teater Hidayah
- Khushiary Effendy Mahyuddin - Persatuan Seni Ceritera
- Rosli Rahman Adam - Dramatis Studio
- Affix Zulkarnaen Adam - Red Cactus Theatre
- Yusry Kamaruzaman - Pertubuhan Teater Hidayah
- Azmy Ahamad - Badan Teater Indera Mahkota
- Mohd Noorsaili Firdaus Sailillah - Badan Budaya Perak



Nyanyian Tahap Tiga

- Roslan Madun (Akademi Syair Melayu Nusantara)
- Adie Asraf Tan (Along) - Legasi Nyonya Tan
- Rozaidy Shukry (Rojer Kajol) - Orkes Melayu Rojer
- Zuraidah Mohamed Karim (Kajol) - Persatuan Ghazal Johor Malaysia (GHAJMAS)
- Athira Yuhada Ab Ghafar - PERMATA Seni Koir



Persembahan Muzik Tradisional Tahap Dua

- Mohd Radzi Othman (Pak Intan) - Tokoh Gambus Padang Changkat
- C W Noor Saidi Che Wan Ab Rahman (Mok zah) - Tokoh Kesenian Saba
- Noor Azman Norawi (Man Kayan) - Kumpulan Anak Kayan
- Mohd Azryl M Ramlan - Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT)
- Muhammad Nor Firdaus Mohd Zukri - Institut Warisan Melaka (INSWA)
- Muhammad Nur Adha Mohd Din - Akademi Arjunasukma
- Ahmad Marzuki Nor-Din - Tok Dalang Megat Haikal



Persembahan Tarian Tradisional Tahap Dua

- Mohd Fariz Jamalludin - Kyrana Dance Group
- Muhammad Afif Anor - Majlis Kebudayaan Negeri Pulau Pinang
- Mohd Syafiq Abdul Razak - SUKTRA Terengganu



Operasi Produksi Pentas Tahap Dua

- Tuan Haji Yunos Abu Bakar - Majlis Kebudayaan Negeri Johor
- Mohd Wazir M Bakri - Penang Youth Development Corporation (PYDC)
- Mohd Faisal Rahim - Persatuan Warisan Anak Inspirasi Seni (WAIS)



PENGHARGAAN DAN PENGIKTIRAFAN JKKN KEPADA PENGGIAT INDUSTRI SENI BUDAYA BERKEMAHIRAN



YBhg. Datuk Hajah Fauziah Nawi telah dinobatkan sebagai penerima Anugerah Seni Budaya Negeri Selangor 2023 atas kecemerlangan dan ketokohan dalam bidang seni teater oleh JKKN Selangor. Kejayaan berganda bagi YBhg. Datuk Hajah Fauziah Nawi yang merupakan Pengasas Sanggar Teater Fauziah Nawi (STEFANI) sebagai penerima Anugerah Pendukung Seni (Swasta) Anugerah Teater Malaysia 2023 oleh JKKN, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya. Beliau pernah menerima Anugerah Karyawan Seni Teater (Pengarah) bagi Anugerah Seni Negara ke-8 JKKN Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (KPKKW) pada tahun 2009.



Tuan Haji Kamarul AR merupakan Pengasas dan Penasihat Pertubuhan Pencinta Teater Himpunan Dayacipta Selangor dan Wilayah Persekutuan atau lebih dikenali dengan nama Pertubuhan Teater HIDAYAH. Tuan Haji Kamarul AR bergiat aktif dalam kegiatan teater sebagai pelakon, penulis, tenaga pengajar dan pengarah teater. Pada tahun 2013 atas sumbangan aktif Tuan Haji Kamarul AR dalam kegiatan, keilmuan dan penghasilan karya teater di negeri Selangor, beliau telah menerima Anugerah Tokoh Penggiat Seni Negeri Selangor yang dianugerahkan oleh JKKN. Diikuti pada tahun 2015, JKKN Selangor dengan kerjasama Majlis Teater Selangor telah memberi pengiktirafan Anugerah Kepimpinan Teater Selangor 2015 (1998-2014) atas penglibatan aktif Tuan Haji Kamarul AR dalam bidang seni teater di negeri Selangor.



Man Kayan mula bermain muzik tradisional semenjak di sekolah menengah lagi. Pada tahun 2008, Man Kayan telah menubuhkan Kumpulan Anak Kayan bertujuan untuk melestarikan seni tradisional Pahang seperti lagu rakyat dan gendang Pahang. Beliau telah menubuhkan Kelab Serindit Mati Tersepit pada tahun 2018 yang merupakan pusat kegiatan seni setempat di hadapan rumahnya iaitu Kampung Permatang Badak, Kuantan bagi manifestasi aktiviti seni dan perkongsian ilmu seperti lagu rakyat, puisi, gendang, silat, busana dan tanjak melayu. Pada tahun 2021, JKKN Pahang telah mengiktiraf dan menganugerahkan Man Kayan bagi Anugerah Penggiat Seni (Seni Berbahasa) dan seterusnya pada tahun 2022 menerima Anugerah Penghargaan Pelancongan dan Kebudayaan Negeri Pahang atas pencapaian sebagai Penggiat Lagu Rakyat yang dianugerahkan oleh Kerajaan Negeri Pahang dengan kerjasama JKKN Pahang dan Tourism Pahang.

Rojer Kajol merupakan Naib Pengerusi Persatuan Ghazal Johor Malaysia (GHAJMAS) yang berasal dari Johor Bahru mula bertapak dalam bidang seni muzik tradisi Ghazal Melayu Johor sejak dari tahun 2000. Selain menyanyi, Rojer Kajol yang merupakan anak didik Almarhum Pak Ngah (Datuk Suhaimi Mohd Zin) juga merupakan seorang pemuzik dan boleh bermain pelbagai jenis alat muzik seperti gambus, tabla, rebana, perkusi (conga, bongo, djembe) dan mandolin. Beliau bertekad untuk terus berjuang mengembangkan bakatnya dalam seni muzik tradisi melayu ini supaya tidak pupus di telan zaman. Antara pencapaian Rojer Kajol dalam program anjuran JKKN adalah Johan Bintang Asli Remaja peringkat Kuala Lumpur tahun 2007, Naib Johan Bintang Asli Remaja Kebangsaan tahun 2007, Johan Bintang Irama Malaysia peringkat Kuala Lumpur tahun 2007, Johan Kumpulan Muzik Asli peringkat Kuala Lumpur tahun 2007 dan Naib Johan Kumpulan Muzik Asli peringkat Kebangsaan tahun 2008.



Harapan ILB Seni Budaya

JKKN sebagai Badan Peneraju Industri (ILB) Seni Budaya akan terus memperkasa Penggiat Seni Budaya melalui program kemahiran dan persijilan kemahiran seni budaya dengan kerjasama strategik pelbagai pihak. Harapan ILB Seni Budaya untuk menjadi rujukan para penggiat dan pihak industri seni budaya dalam pelaksanaan program latihan kemahiran berpandukan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan bagi penjana pendapatan kepada pemain industri untuk pembangunan modal insan bidang seni budaya.



JKKN

Oleh: Jackson Anak Michael dan Georgina Anak Steel

KUMPULAN KESENIAN JKKN KE PERSADA ANTARABANGSA EXPO DUBAI 2020

Expo Dubai 2020 telah berlangsung selama enam bulan pada 15 September 2021 hingga 04 April 2022 di Dubai, Arab Saudi (UAE). Expo ini melibatkan 192 buah negara di seluruh dunia dan antaranya Malaysia, Indonesia, Korea, Thailand, Jepun, Kemboja, Jerman, Argentina, Brazil dan lain-lain. Bertemakan “*Connecting Minds, Creating the Future*” (Menghubungkan Minda, Mencipta Masa Depan), *Expo Dubai 2020* dinobatkan sebagai sebuah inkubator untuk idea-idea baru di seluruh dunia, manakala sub-tema “*Opportunity, Mobility and Sustainability*” (Peluang, Mobiliti dan Kemampuan) yang memberi inspirasi kepada kita semua untuk melindungi planet ini, meneroka sempadan baharu dan membina masa depan yang lebih cerah menerusi kandungan dalam setiap pavilion. Dalam ekspo ini, setiap negara mempunyai pavilion masing-masing dengan pengisian berdasarkan tema selain mempromosikan keunikan kebudayaan dan kesenian negara tersendiri. Malaysia telah menjemput Kumpulan Kesenian JKKN sebagai duta kecil negara selama tempoh enam bulan berkampung di Dubai, UAE bagi membantu mempromosikan Malaysia kepada pengunjung pavilion yang datang dari serata dunia.



Kumpulan Kesenian Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (KK JKKN) telah menghantar seramai 12 orang Artis Budaya Tari termasuk seorang Artis Budaya Koreografer ke ekspo dunia ini di Pavilion Malaysia. Daripada jumlah tersebut dua orang Artis Budaya Tari dari KK JKKN Sarawak telah terpilih bersama-sama dengan empat orang Artis Budaya Tari termasuk seorang Artis Budaya Koreografer daripada KK JKKN Ibu Pejabat, tiga orang daripada

KK JKKN Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL), dua orang daripada KK JKKN Selangor dan seorang daripada KK JKKN Negeri Sembilan. KK JKKN telah ditugaskan untuk mempromosi kepelbagaian kebudayaan dan kesenian Malaysia menerusi persembahan tarian, adat resam dan persembahan muzik tradisional yang ada di Malaysia. Sepanjang di Pavilion Malaysia, kami ditugaskan untuk membuat persembahan sebanyak empat kali sehari iaitu pada pukul 2:00 petang, 4:30 petang, 7:30 petang dan 9:00 malam berdasarkan senarai *repertoire* tarian yang telah ditetapkan mengikut tema mingguan. Pelbagai jenis tarian yang terdapat di Malaysia dan persembahan alat muzik Sape yang terkenal di Sarawak telah dibawa untuk diperkenalkan serta dipertontonkan kepada tetamu yang hadir di Pavillion Malaysia.

Senarai Nama Kumpulan Kesenian JKKN yang terlibat dalam Expo Dubai 2020

BIL	NAMA	NEGERI	TUGAS
1.	Muhammad Muhaldin Jamin	JKKN Ibu Pejabat	Ketua / Koreografer
2.	Muhammad Izwan Suhairi	JKKN N. Sembilan	Penari / Penolong Kerografer
3.	Anas Firdaus Md Sharif	JKKN Ibu Pejabat	Penari
4.	Mohd Izzuwan Ishak	JKKN Wilayah Persekutuan	Penari
5.	Jackson Anak Michael	JKKN Sarawak	Penari / Pemuzik
6.	Haziq Firdaus Azman	JKKN Wilayah Persekutuan	Penari
7.	Mimigel Joannes	JKKN Ibu Pejabat	Penari
8.	Georgina Anak Steel	JKKN Sarawak	Penari
9.	Nor Janatul Hajar Samuin	JKKN Selangor	Penari
10.	Noor Shazwani Mat Zin	JKKN Selangor	Penari
11.	Noor Asmah Zainal	JKKN Wilayah Persekutuan	Penari
12.	Fatin Syahirah Kemaru	JKKN Ibu Pejabat	Penari

Expo Dubai 2020 – Medan Perkongsian Seni Budaya Seluruh Dunia

Selain persembahan di Pavilion Malaysia, KK JKKN turut mengadakan persembahan kolaborasi di pavilion negara-negara yang terlibat dalam ekspo ini dan juga persembahan jemputan khas oleh pihak sekretariat *Expo Dubai 2020*. Berikut merupakan senarai persembahan yang telah dilaksanakan.

Senarai Penglibatan dan Persembahan Kumpulan Kesenian JKKN di Expo Dubai 2020

BIL.	TARIKH	PENGLIBATAN DAN PERSEMAHAN / TEMPAT
1.	07 Oktober 2021	EXPO Beats Present World Beats di Jubilee Park
2.	18 November 2021	Miss Noppamas 2020 di Pavilion Thailand melibatkan KK JKKN Ibu Pejabat, Mimigel Joannes
3.	05 Disember 2021	Charming Vietnam (Collaboration with Malaysia Pavilion)
4.	09 Disember 2021	ALUNAN PETIKAN MUZIK SAPE DI UAE, DUBAI Gabungan persembahan alat muzik Sape bersama Okestra Dubai yang diketuai oleh pemuzik terkenal dari UAE, Mohammed Al Bakri dan melibatkan KK JKKN Sarawak, Jackson anak Michael sebagai tetamu jempunan
5.	20 – 24 Disember 2021	Sabah Week
6.	27 Januari 2021	Pavilion Collaboration Dinner from Angola to Asia Culinary Experience
7.	28 Januari 2021	Pavilion Collaboration Malaysia + ASEAN di ASEAN Pavilion
8.	02 Februari 2022	Pavilion Collaboration Malaysia + Switzerland di Malaysia Pavilion
9.	05 Februari 2022	Pavilion Collaboration Malaysia + Brazil di Brazil Pavilion
10.	06 Februari 2022	Pavilion Collaboration Malaysia + Saudi Arabia di Saudi Arabia Pavilion
11.	10 Februari 2022	Pavilion Collaboration Malaysia + UK di UK Pavilion
12.	17 hingga 18 Februari 2022	Pavilion Collaboration Malaysia + Argentina di Malaysia dan Argentina Pavilion
13.	23 Februari 2022	Pavilion Collaboration Malaysia + Myanmar
14.	24 hingga 25 Februari 2022	Pavilion Collaboration Malaysia + Indonesia
15.	28 Februari hingga 03 Mac 2022	Johor Week
16.	04 Mac 2022	Pavilion Collaboration Malaysia + Thailand di Pavilion Thailand
17.	10 Mac 2022	Pavilion Collaboration Malaysia + Angola di Angola Pavilion
18.	14 Mac 2022	Lewis Hamilton Live Q & A di Pentas Utama Al Wasl.
19.	18 Mac 2022	Pavilion Collaboration Malaysia + Korea di Korea Pavilion
20.	20 Mac 2022	Pavilion Collaboration Malaysia + India di India Pavilion
21.	30 Mac 2022	Appreciation Lunch Bersama Mantan Perdana Menteri Malaysia YBhg Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob di Hotel Al Wasl

Senarai Penglibatan dan Persembahan Kumpulan Kesenian JKKN di Expo Dubai 2020

Perkongsian Pengalaman oleh Jackson Michael @ Jayjay

Bagi saya ini merupakan pengalaman kedua saya terpilih mewakili Malaysia menjayakan program bertaraf dunia. Pengalaman kali pertama membuat persembahan bersama KK JKKN ketika di Expo Astana, Kazakhstan pada tahun 2017. Pengalaman selama menetap di Dubai boleh dikatakan setiap hari berdepan dengan pengunjung daripada pelbagai bangsa dan kaum dari pelbagai negara yang hadir ke Pavillion Malaysia untuk menyaksikan keunikan persembahan oleh KK JKKN. Selain itu, yang paling mencabar bagi saya semasa diminta oleh pihak pavilion untuk membuat aksi menyempit sebiji buah epal yang diletakkan di atas kepala seorang penari dari Switzerland dengan jarak 17 hingga 20 meter. Mujur pengalaman saya sebagai seorang anak Iban yang biasa dengan aksi ini di Malaysia, membuatkan saya yakin aksi ini dapat dilaksana dengan baik dan selamat.



Selain itu, kenangan yang tidak dapat dilupakan apabila dipanggil sebagai jemputan khas untuk berkolaborasi bermain sape' di pentas utama *Expo Dubai 2020* bersama orkestra terkenal Dubai. Pengalaman menjayakan sebuah persembahan bersama artis antarabangsa Dubai di pentas dunia ini menjadikan ia pengalaman yang akan diingati sampai bila-bila. Kenangan terindah dan yang paling berharga bagi saya adalah apabila saya bersama rakan-rakan Artis Budaya Tari KK JKKN berjaya menghiburkan penonton dan kami berbangga dapat mengibarkan jalur gemilang di pentas utama yang ditonton oleh puluhan ribu pengunjung di *Expo Dubai 2020*.

Saya amat berharap pemilihan Artis Budaya Tari KK JKKN ke sebarang acara di pentas antarabangsa di luar negara dapat diteruskan oleh Kerajaan Malaysia menerusi MOTAC dan JKKN kerana program sebegini dapat mengeratkan lagi hubungan rapat sesama rakan sekerja dan dapat bekerjasama sebagai satu pasukan. Ia memberi ruang dan peluang kepada Artis Budaya dapat beraksi di pentas yang lebih tinggi. Bagi saya, penglibatan negara ke acara besar di peringkat dunia seperti di *Expo Dubai 2020* ini dapat memajukan sektor pelancongan Malaysia menerusi promosi besar-besaran dalam tempoh yang panjang. Ini akan membantu membaik pulih ekonomi negara masing-masing yang mana sejak wabak COVID-19 melanda dunia pada akhir tahun 2019, ekonomi dunia terhenti seketika dan peluang ini digunakan sebaik mungkin untuk pulihkan ekonomi sesebuah negara.

Pengalaman Berharga oleh Georgina Anak Steel @ Gegina

Saya panjatkan rasa syukur dan ucapan terima kasih kepada JKKN Ibu Pejabat kerana mencalonkan saya mewakili Malaysia ke *Expo Dubai 2020* bersama 11 lagi rakan Artis Budaya Tari yang lain kerana ini merupakan pengalaman pertama saya bergabung dengan Artis Budaya Tari dari negeri lain dan menetap di Dubai, UAE selama enam bulan. Di sini, saya dan rakan-rakan Artis Budaya KK JKKN berpeluang dan berjaya menjejaskan kaki di bangunan tertinggi dunia iaitu Burj Khalifa.

Pengalaman yang paling tidak dapat saya lupakan ketika berada di Dubai apabila pada hari pertama kami bertugas di Pavilion Malaysia, kami disarankan mengambil PCR setiap hari selepas bekerja kerana ketika itu wabak COVID-19 masih menular di seluruh dunia. COVID-19 telah menyebabkan 95% daripada kami terpaksa dikuarantin dan diasingkan antara satu sama lain serta perlu berada dalam rumah yang berasingan selama tujuh hari kerana disahkan positif COVID-19.

Selain itu, antara pengalaman-pengalaman yang pasti dicuba apabila berpeluang bertugas di luar negara adalah merasa makanan tradisional yang terdapat di Dubai serta makanan-makanan yang lain yang tidak terdapat di Malaysia. Mujur saya seorang yang mahu mencuba dan pengalaman ini telah memberi pengalaman berbeza buat saya. Paling manis apabila dapat berkenalan dengan ramai kawan daripada pelbagai negara, berkongsi cerita mengenai negara tersendiri, berkongsi cerita mengenai tarian dan negara masing-masing. Kenangan terindah apabila berpeluang membuat persembahan kebudayaan Malaysia di hadapan Raja Dubai yang berkunjung ke ekspo ini. Harapan saya agar penglibatan KK JKKN seperti ini dapat diteruskan dan membawa Artis Budaya kita ke negara luar untuk menambah pengalaman serta ilmu mengenai kebudayaan daripada negara lain. Selain itu juga, secara tidak langsung, pengalaman seperti ini dapat menambahkan lagi tahap keyakinan dalam diri kita.



Majlis Keramaian Pesta Kaul Masyarakat Melanau Pagan

Oleh: Mohammad Husri Morni

Penempatan masyarakat Melanau pada awalnya terletak di muara sungai dan juga anak sungai di kawasan persisiran dari daerah Rajang sehingga daerah Bintulu. Pola penempatan kesemua komuniti bercorak 'lineal'. Rumah mereka terletak di tebing sungai dan anak sungai di kawasan tersebut. Pola penempatan ini berkaitan dengan kegiatan ekonomi kaum ini tetapi lebih dipengaruhi oleh faktor alam seperti hutan dan paya yang luas. Pola penempatan ini tidak semestinya menentukan status sosial dalam masyarakat Melanau tetapi mempengaruhi amalan adat dan budaya masyarakat ini. Adat resam atau tradisi ini diwarisi sejak zaman berzaman dan masih diteruskan hingga ke hari ini. Namun, amalan tradisi dan adat resam mereka tetap mengalami beberapa perubahan seperti majlis keramaian Pesta Kaul.

Pesta Kaul merupakan sejenis pesta keagamaan yang diraikan oleh masyarakat Melanau 'Pagan'. Pesta Kaul merupakan salah satu pesta tradisi bagi kaum Melanau yang masih dipelihara sehingga generasi kini. Tidak kiralah anda Melanau dari mana, sambutan pesta ini penting bagi menunjukkan anda seorang Melanau. Pesta ini disambut berlandaskan sistem kalendar yang berdasarkan kedudukan bulan. Bulan pertama dikenali sebagai pengejin dan upacara kaul diadakan pada bulan tersebut. Bulan-bulan lain dalam masyarakat Melanau ialah seperti bulan pengelawak umik, bulan pengelawak ayang, bulan pelepak, bulan paka umik, bulan pakar ayang, bulan pegalan, bulan suah, bulan pidai, bulan penangih, bulan pamelai dan bulan pengasiseang.

Adat dan Ritual Dalam Pesta Kaul

Kaul merupakan satu pesta keramaian yang diraikan oleh masyarakat Melanau di Mukah sejak dari dulu lagi. Pesta tradisi yang disambut secara tahunan ini, menghimpunkan pelbagai upacara dan adat resam yang menarik serta luar biasa daripada kaum lain. Pesta ini selalu diadakan pada minggu ketiga bulan April di Mukah. Kaul dilihat sebagai perayaan keagamaan oleh



masyarakat Melanau Pagan bagi memohon restu daripada penunggu laut, darat, ladang dan hutan agar penunggu tersebut tidak mengganggu ketika mereka mencari rezeki. Disebabkan kaum Melanau sinonim dengan aktiviti nelayan, Kaul diadakan bagi menandakan musim tengkujuh telah berlalu.

Apabila upacara Pesta Kaul diadakan, seorang lelaki yang mempunyai kedudukan akan dilantik sebagai ketua dan digelar sebagai Bapak Kaul. Jawatan ini sangat penting dalam acara Pesta Kaul. Bapak Kaul ini berperanan sebagai orang tengah atau orang perantaraan yang menghubungkan ipok dan manusia. Dalam memastikan upacara Kaul ini berjalan mengikut peraturan serta adat turun-temurun, Bapak Kaul bertanggungjawab untuk memastikan upacara yang dijalankan betul. Tambahan juga, Bapak Kaul merupakan tonggak utama upacara Pesta Kaul ini. Beliau bertanggungjawab memujuk, merayu kepada makhluk halus atau ipok serta menghalau segala kejahatan dan malapetaka yang mungkin akan menimpa sesiapa sahaja malah bertanggungjawab memastikan pantang larang dipatuhi dan mereka yang ingkar akan dihukum.

Menurut sumber, amalan Bapak Kaul ini tidak boleh dilanggar kerana penduduk takut sesuatu yang tidak baik akan menimpa mereka sekiranya mereka ingkar. Persediaan perlulah dilakukan sebelum Pesta Kaul dijalankan. Bahan yang diperlukan untuk dipersembahkan kepada ipok kala ialah bertih, kuih penyaram, beras kuning, papit, pais, rokok daun nipah dan sirih pinang. Bahan-bahan tersebut akan diletakkan dalam tujuh buah bekas yang diperbuat daripada daun nipah dan bekas ini akan dimasukkan dalam talam yang dipanggil serahang. Kebanyakan serahang dibuat oleh wanita kerana wanita lebih teliti dan lemah lembut. Serahang ini dibuat berdasarkan motif tertentu. Motif-motif pada serahang melambangkan imej ipok laut, darat dan udara. Serahang bukan sahaja memerlukan ketelitian yang tinggi tetapi juga kesabaran dan daya kreativiti yang bermutu dengan mengambil kira unsur tertentu dalam Pesta Kaul dan sistem kepercayaan masyarakat.

Serahang berasal daripada perkataan 'serahan' iaitu barang persembahan kepada ipok. Serahang mempunyai ketinggian sekitar tujuh kaki yang mempunyai bentuk serta unsur-unsur tersendiri. Komponen yang terdapat pada serahang tersebut mestilah lengkap tanpa sebarang kecacatan kerana serahang yang tidak lengkap atau tidak sempurna akan mengundang kemarahan ipok dan akhirnya bala akan menimpa kepada sesiapa yang membuatnya. Penghulu atau wakilnya akan memukul gong atau canang, tujuh hari sebelum upacara Pesta Kaul diadakan. Hal ini disebabkan penduduk kampung dapat menyelesaikan kerja-kerja mereka di hutan mahupun di laut. Canang atau gong juga akan dipukul sekali lagi tiga hari sebelum kaul untuk mengingatkan penduduk kampung supaya menyelesaikan kerja mereka dengan segera dan memberi peluang kepada setiap keluarga untuk menyediakan makanan bagi jamuan pesta kaul serta turut menghias bahuong.



Selain itu, semua keluarga dari kampung yang terlibat akan turun membawa jamuan ke tempat upacara kaul. Setiap ahli keluarga dimestikan untuk menghadirkan diri kecuali orang yang telah uzur. Semua serahang yang telah dibuat akan didirikan di sekitar pantai atau muara sungai tempat pesta kaul itu diadakan. Upacara ini dimulakan dengan jampi mantera oleh ketua kaul yang ditujukan kepada ipok kala.



Tujuh batang lilin akan dinyalakan sebagai simbolik bagi mewakili setiap lapisan bumi dan menerangi mereka yang telah meninggal dunia. Beras kuning akan ditabur oleh bapak kaul di sekitar kawasan serahang dan kepada barisan penduduk kampung yang sedang menghadapi makanan. Ketua kaul akan memberi arahan supaya hidangan dinikmati dan penduduk yang hadir turut boleh menikmati hidangan yang dibawa oleh keluarga lain kerana perbuatan ini sangat disukai oleh ipok kala dan dipercayai boleh menambah rezeki mereka yang melakukannya.

Usai jamuan, ketua kaul dan pembantunya akan membawa serahang tersebut ke tempat yang dipercayai didiami oleh makhluk

halus. Persembahan ini sangat penting bagi masyarakat mengelakkan ipok yang mendiami kawasan tersebut marah sehingga boleh menimbulkan malapetaka. Terdapat beberapa peraturan yang dikenakan semasa Pesta Kaul diadakan iaitu tidak dibenarkan keluar menangkap ikan pada waktu pagi di hari perayaan kerana Pesta Kaul ini menandakan bermulanya tahun baru serta dengan kata lain tamatnya, musim hujan dan nelayan boleh menangkap ikan kerana cuaca dijangka baik. Setelah itu barulah acara hiburan akan diadakan. Antara acara hiburan yang akan diadakan ialah acara lumba perahu, pencak silat, main tibow, main gasing, mengalai dan tarian tradisional masyarakat Melanau seperti tarian buluh, tarian mengarang, dan tarian serahang.

Tibow ialah permainan tradisi masyarakat Melanau yang sangat popular di Sarawak. Tibow dibina daripada beberapa batang buluh atau nibung kayu mahupun kayu keras. Ia berbentuk rak atau pemedang yang bertingkat-tingkat dan berbentuk piramid. Kebiasaannya, ketinggian tibow ini adalah antara 8-10 m dan juga dibina dalam keadaan yang condong di atas tanah yang rata. Tibow dibina kepada dua bahagian iaitu bahagian pertama ialah mempunyai para atau pemedang yang menyerupai tangga dan bahagian kedua pula terdiri daripada dua batang tiang yang berbentuk piramid itu tadi. Pada bahagian ini terdapat juntaian tali daripada rotan dan rotan ini akan





dihayun seperti sebuah buaian. Kedua-dua bahagian ini perlulah dibina dengan kukuh demi keselamatan pemain.

Menurut pemerhatian, tibow ini lazimnya dimainkan di kawasan yang lapang. Kebiasaannya, tapak untuk permainan ini haruslah lembut dan tidak mempunyai batu yang boleh membahayakan pemain. Tujuan permainan ini ialah untuk menguji semangat dan keberanian peserta kerana permainan ini walaupun kelihatan mudah tetapi turut memerlukan tenaga yang tinggi. Bagi orang muda pula, ini merupakan peluang mereka untuk pertemuan antara teruna dan dara.

Menurut cerita, permainan tibow ini bermula apabila Kampung Pentian diserang sejenis penyakit yang boleh membawa kepada kematian. Kampung ini dikatakan sunyi sepi, seolah-olah mati. Suasana murung menyelubungi penduduk kampung ini. Kemudian terdapat seorang lelaki tua bermimpi di kampung tersebut. Dalam mimpinya ada seekor helang membawakan sejenis alat permainan yang bernama 'tibow' untuk menghidupkan kembali suasana di kampung Pentian yang diselubungi

kemurungan itu. Berita tentang mimpi itu kemuadiannya dihebahkan kepada seluruh kampung. Oleh kerana mereka percaya akan kebenaran mimpi tersebut, penduduk kampung bekerjasama membina alat permainan yang dianggap aneh itu. Sejak daripada itulah, tibow diterima sebagai sebahagian daripada upacara dalam sebarang keramaian yang diadakan oleh masyarakat Melanau setempat manakala Tarian Mengalalai merupakan salah satu tarian yang diadakan semasa Pesta Kaul. Tarian Mengalalai ini adalah tarian kedua popular dalam kalangan masyarakat Melanau. Tarian ini mempunyai banyak aksi yang menarik dan menakjubkan. Tarian ini ditarikan oleh kaum lelaki dan perempuan. Para penari ini akan menggunakan pakaian tradisional masyarakat Melanau yang berwarna hitam. Tarian mengalalai adalah tarian yang menggunakan pergerakan burung kenyalang sebagai asas dan kebanyakan penari akan menari secara berselang-seli antara lelaki dan perempuan.

Perubahan Pesta Kaul Dalam Masyarakat Melanau

Kaum Melanau yang majoritinya mendiami di muara dan persisir Sungai Sarawak dikenali sebagai masyarakat yang masih mengamalkan budaya dan tradisi yang tersendiri. Perubahan agama dan anutan di kalangan masyarakat Melanau telah mengubah cara hidup dan kepercayaan Kaul. Kehadiran Islam dan Kristian membawa senario baru kepada Kaul yang lebih sesuai dilihat sebagai satu pesta sosio-budaya. Namun, masih terselit keunikan warisan masyarakat Melanau di Mukah, Sarawak iaitu masyarakat yang masih mengekalkan upacara tradisi yang disesuaikan mengikut masa.



Perubahan ketara ini berlaku sejak dahulu lagi ketika berlakunya asimilasi sosio-budaya sama ada melalui perkahwinan ataupun kerana kehendak sendiri dalam memilih agama daripada kepercayaan animisme (pagan) ke agama Islam atau Kristian hingga masa kini.

Inilah cabaran dalam adat dan tradisi kehidupan masyarakat Melanau apabila berlakunya

asimilasi yang boleh merubah bentuk sosiobudaya dan lanskap kehidupan mereka. Perubahan dari segi amalan tradisi, budaya dan adat resam sedikit demi sedikit mengalami perubahan mengikut penerimaan masyarakat setelah berlakunya asimilasi dan penerimaan agama yang lebih dominan.

Pesta Kaul menjadi medan perkelahan komuniti terbesar masyarakat Melanau. Pesta ini menghidangkan satu manifestasi khazanah budaya kaum Melanau dari aspek pakaian, kraftangan, makanan, permainan dan tarian. Kini, sambutan Pesta Kaul disertai oleh semua lapisan masyarakat daripada pelbagai kaum bagi melihat dan menyertai pelbagai permainan tradisi seperti Tibow, pameran dan jualan makanan eksotik tempatan seperti Tebaloi, Si'et, Sagu, Umai, pertunjukan persembahan kebudayaan, pameran kraftangan dan yang lebih menarik adalah proses penyatuan keakraban yang menemukan pelbagai bangsa, agama dan pertuturan dalam upacara perkelahan komuniti.

Secara tidak langsung, penganjuran Pesta Kaul membuka peluang ekonomi kepada komuniti setempat bagi menjana pendapatan menerusi gerai jualan yang disediakan. Para peniaga tidak melepaskan peluang mendapatkan pendapatan sampingan. Pelbagai jenis jualan disediakan termasuk makanan dan minuman, hasil tangan, pakaian dan sebagainya. Justeru, penganjuran pesta ini bukan sahaja mengingatkan adat resam dan tradisi warisan komuniti Melanau, tetapi mengangkat Mukah sebagai destinasi pelancongan warisan.

Golongan muda serta generasi kaum Melanau masa kini agak kurang berminat untuk terus mengetahui setiap proses dalam adat resam yang pernah dilalui oleh keturunan mereka. Ini kerana kebanyakan adat budaya ini telah lama tidak diamalkan dan sambutan kaul telah mengenyepikan amalan adat dan ritual yang melanggar hukum agama dalam amalan masing-masing. Namun demikian, masyarakat Melanau masih percaya dan bangga tentang keunikan adat resam etnik mereka.





Oleh: Wan Mohd Ruzaini Wan Chik

ELEMEN DAKWAH DALAM 'NAZAM MUKJIZAT' NYANYIAN

Roslan Madun

LAGU atau karya muzik pada zaman kini adalah satu kesenian yang berkait rapat dan sinonim dengan hiburan yang bersifat santai. Namun, lain pula kesnya untuk lagu-lagu rakyat. Memetik daripada kata-kata seniman tersohor negara, Roslan Madun, "Lagu-lagu rakyat ni lain. Dia tidak seperti lagu-lagu sekarang yang kita biasa dengar. Dia bukan hiburan semata. Banyak unsur nasihat dan pengajaran. Banyak juga yang isinya mengajar tentang agama Islam." Salah satu *genre* lagu rakyat yang bertemakan dakwah ajaran Islam adalah Nazam.

Menurut buku *Kenali Puisi Tradisional Kita* yang diterbitkan pada tahun 2014, tulisan Siti Zaleha M. Hashim, 'Nazam berasal daripada perkataan Arab yang secara umumnya membawa maksud susunan atau puisi yang digunakan untuk tujuan dakwah dan pengajaran agama.' Lagu Nazam Mukjizat adalah salah satu lagu yang bersifat sedemikian. Pengkhususan elemen dakwah dalam lagu tersebut adalah menceritakan tentang sifat-sifat Rasulullah (SAW). Lagu yang dinyanyikan oleh Roslan Madun ini ditulis oleh Tuan Haji Abd Kadir Awang Yusof, salah seorang daripada anak murid ayah Roslan Madun sendiri. "Ayah saya seorang guru agama yang berasal dari Buloh Kasap, Johor. Beliau adalah guru mengaji Al-Qur'an yang sangat bagus. Penulis lagu ini, Tuan Haji Abd Kadir adalah anak murid ayah saya," Jelas Roslan Madun sedikit tentang latar belakang penulis lirik lagu Nazam Mukjizat. Susunan muzik pula digubah oleh Afzainizam Ismail.

Lagu berentak Masi yang diterbitkan oleh *Anggun Performing Arts* pada tahun 2003 ini menceritakan tentang sifat-sifat agung kekasih Allah, Rasulullah (SAW). Bait-bait lirik yang dinukilkan adalah:-

*Bismillah permulaan Idhofi, melengkapi Dia Sekelian Puji
Menyatakan sifat khatamin Nabi, janganlah kita syak sekali-kali
Tubuhnya putih bercampurlah merah, tidaklah tinggi tidaklah rendah
Belikatnya bertanda Khatamin Nubuwwah, menunjukkan kemudian
tiada nabi lah
Perutnya rata bersamalah dada, tiadalah lekuk dipandang mata
Muka dipalingkan badan beserta, hadapan dipandang belakang
nyata
Nabi kita apabila bersabda, perlahan-lahan sekadar nyata
Memberi faedah semata-mata, menyatakan hukum Yang Maha Esa
Nabi kita apabila berjalan, condong sedikit kehadapan
Kekiri Kekanan tiada menolehan, khusyuk tawadhuk kepada Tuhan
Dialah nabi yang banyak mukjizat, di tiang Arasy namanya tersurat
Mempunyai taulan empat sahabat, menghulu dunia raja akhirat.*



Setiap baris dinyanyikan sebanyak dua kali untuk memudahkan penerimaan para pendengar. Walaupun nampak seakan remeh, namun teknik ini sangatlah penting untuk memastikan mesej dakwah itu sampai kepada masyarakat. Mesej yang disampaikan sangat jelas iaitu menceritakan sifat-sifat Rasulullah (SAW), untuk memupuk kecintaan terhadap Baginda.

Hanya dengan membaca liriknya sahaja sudah boleh membuatkan mana-mana individu membayangkan keindahan dan keagungan Rasulullah (SAW). Itulah keunikan dan keistimewaan lagu rakyat khususnya Nazam Mukjizat ini. Roslan Madun berkongsi tentang kehebatan sastera Melayu dalam mempengaruhi sesebuah kaum atau tamadun, katanya "Sastera Melayu seperti Nazam, Gurindam, Syair dan sebagainya mampu mengubah tamadun manusia seperti yang berlaku di Pulau Penyengat".

Pulau Penyengat ialah sebuah pulau kecil di Riau. Satu ketika dulu, tempat ini menjadi pusat kebudayaan Melayu dan pusat ilmu pengetahuan Islam di

Kepulauan Melayu. Apa yang berlaku di sana adalah, keruntuhan nilai moral dalam kalangan penduduk setempat telah dapat diubah menjadi ke arah yang lebih baik dengan wujudnya karya-karya sastera Melayu yang berbentuk dakwah. Antara yang menjadi tokoh utama ketika itu ialah kebanyakan karya sastera Raja Ali Haji bin Raja Haji Ahmad. Kebanyakan karya sastera beliau berbentuk syair yang menghuraikan hal keagamaan. Contohnya seperti *Syair Jatuhnya Negeri Johor*, *Syair Gurindam Dua Belas* dan *Syair Taman Pertama*. Roslan Madun turut mengulas tentang pendapat beliau mengenai lagu-lagu rakyat yang digubah mengikut arus moden terutamanya Nazam. Beliau berkata, "Dalam Nazam ada ilmu Feqah. Lirik yang mengarah ke arah dakwah. Akan tetapi, jika penggiat seni muzik sekarang mahu membuat pembaharuan daripada segi lirik dan gubahan yang baru, saya tiada masalah". Bagi beliau, bukanlah menjadi salah untuk sesebuah karya lama diubah asalkan tujuannya murni. Ini kerana kreativiti dan teknologi perlu seiring untuk sesuatu karya seni itu kekal relevan sekaligus dihargai masyarakat.

Menurut beliau lagi, kepesatan teknologi dalam bidang muzik tidak perlu dimusuhi. Sebagai penggiat seni terutamanya muzik, perlulah ada usaha untuk mencuba sesuatu yang baru agar turut sama maju dalam industri. Namun, tambah seniman hebat tanahair itu lagi, elemen dakwah yang disemai dalam lagu-lagu rakyat seperti Nazam perlulah seeloknya dikekalkan aplikasinya untuk menyambung perjuangan seniman-seniman Melayu terdahulu sekaligus memelihara keindahan identiti seni sastera Melayu itu sendiri.



KOSENI PEMANGKIN INDUSTRI

Seni Budaya

Oleh: Wan Mohd Ruzaini Wan Chik



10 Jawapan
dari Hati
Mohamad Raizuli Mat Jusoh

SOALAN 01

Bagaimana satu entiti koperasi yang cukup asing dan tidak pernah diperkatakan atau difikirkan oleh para pegawai Skim Bakat dan Seni sebelum ini boleh terlintas difikiran tuan untuk menubuhkannya?

Berbekalkan pengalaman, semangat untuk menyumbang dan mencabar keupayaan diri. Tiga faktor ini merupakan dorongan kuat dalam merealisasikan penubuhan secara rasminya Koperasi Seni Budaya Berhad (KOSENI) pada 21 April 2021. Pengalaman saya semasa mengetuai Cawangan Sumber Manusia di Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), mendapati ramai pegawai yang berkelulusan dan amat berbakat dalam bidang seni budaya. Tugas sebagai Pegawai Kebudayaan juga membuka mata saya bahawa banyak peluang penjana ekonomi yang boleh diperolehi dengan memanfaatkan kepakaran para pegawai yang berbakat serta komited. Sebagai contoh, penerbitan drama juga dokumentari berkaitan seni dan budaya untuk rancangan televisyen, hasil tersebut mampu memberi manfaat ekonomi kepada anggota koperasi. Kerja-kerja penerbitan dokumentari seni budaya sebelum ini telah pun dilaksanakan oleh pegawai-pegawai kebudayaan di negeri sejak sekian lama, saya fikirkan mengapa tidak kita laksanakan dalam spesifikasi yang lebih menarik dan memenuhi aspek teknikal syarikat televisyen untuk membolehkan produk kita dijual kepada mereka sekali gus dapat menjayakan misi JKKN dalam usaha menyemarakkan seni budaya kepada masyarakat Malaysia. Pengalaman saya dilantik sebagai Pengerusi, Persatuan Pegawai-pegawai Kebudayaan Malaysia (MyBudaya) juga memperlihatkan banyak perkara yang hendak kita laksanakan memerlukan dana kewangan untuk menggerakkan aktiviti persatuan, tidak memadai dengan yuran penyertaan ahli semata-mata. Oleh itu, kita memerlukan satu badan seperti koperasi yang berorientasikan keuntungan sebagai sumber mendapatkan dana bagi menjalankan kerja-kerja kebajikan kepada anggotanya.

Kita juga bukan hanya memikirkan apa yang kita dapat, tetapi renung dan fikirkan apa yang boleh kita sumbangkan. Bertitik tolak daripada ini, dengan pengalaman serta sedikit kejayaan hasil perniagaan di luar yang saya kecapai, mengapa tidak saya kongsi untuk memberi manfaat kewangan kepada rakan-rakan dalam Skim Bakat dan Seni. Semoga dengan sumbangan kecil ini dapat memberi kepuasan hidup kepada saya juga anggota lain



selain mendapat balasan sebaiknya daripada Allah SWT. Sebagai manusia, kita berperanan untuk mengajak masyarakat berbuat kebaikan dan saling membantu antara satu sama lain. Hurlurkanlah bantuan dengan apa yang termampu sama ada tenaga, masa, kewangan, buah fikiran, khidmat nasihat dan sebagainya. Akhirnya nanti, tujuan untuk menjadikan kehidupan kita semua adalah lebih baik.

Semangat inilah yang saya cuba terapkan dalam diri semua Ahli Lembaga KOSENI dan inspirasi bagi menjadikan mereka bergerak untuk menjayakan misi KOSENI. Semangat ini juga atas dasar untuk menghargai jasa dan bakti para pegawai yang telah berkhidmat lebih berpuluh tahun dengan menghantar mereka mengerjakan umrah bagi yang beragama Islam manakala bagi pegawai yang bukan beragama Islam, kita akan menaja peluang pelancongan terindah. Perkara ini menjadi salah satu target utama yang membakar semangat kami untuk terus menjayakan KOSENI.

Ada dalam kalangan kita mempunyai keupayaan lebih daripada apa yang dilakukan dalam bidang tugas mereka sebelum ini. Mungkin tiada platform yang sesuai untuk menterjemah serta menyerlahkan bakat serta keupayaan diri mereka. Begitu juga saya, mempunyai keyakinan yang cukup tinggi untuk melakukan lebih daripada apa yang dilakukan sebelum ini, dan perlu mencari platform yang boleh dijadikan landasan bagi saya bergerak bersama rakan-rakan yang hebat terlibat dalam bidang peniagaan seni budaya yang bakal memberi manfaat kewangan kepada anggota. Platform ini benar-benar menguji keupayaan diri, bergerak untuk berjaya bukan kerana pangkat dan kuasa yang ada tetapi lebih kepada kekuatan yang ada pada diri kita. Percayalah kejayaan dengan usaha dan kekuatan yang ada pada diri kita akan memberi momen kepuasan hidup yang menarik, tambahan apa yang bakal kita laksanakan memberi manfaat kepada komuniti.

SOALAN 02

Ada pandangan sinis oleh sesetengah pegawai mengatakan “Persatuan Pegawai-Pegawai Kebudayaan Malaysia (MyBudaya) tidak ke mana, inikan pula menubuhkan koperasi.” Boleh tuan ulas sentimen ini?

Cabaran dalam melaksanakan sesuatu perkara adalah tidak boleh lari daripada pandangan negatif sesetengah pihak, tetapi saya selalu mengingatkan diri saya dan Ahli Lembaga KOSENI (ALK) agar tidak patah semangat. Banyak orang beranggapan bahawa dengan melihat kurangnya aktiviti yang dilaksanakan MyBudaya, maka persatuan ini kurang berfungsi. Sebenarnya MyBudaya berperanan dalam menjaga hal ehwal kebajikan pegawai-pegawai Skim B, walaupun banyak telah diperjuangkan semasa saya menjadi pengerusi dan di bawah pimpinan Encik Rosnan Rahman kini. Banyak perkara telah kami laksana serta perjuangkan demi menjaga kebajikan pegawai walaupun dalam kewangan yang terhad. Kami tidak terlalu fokus kepada aktiviti seperti sukan dan rekreasi, aktiviti ini telah banyak dilaksanakan oleh JKKN. Berbalik kepada penubuhan KOSENI, pada saya lumrah sifat manusia untuk melihat kejayaannya terlebih dahulu barulah mengakui betapa penting penubuhannya.

Saya juga berpegang kepada prinsip, untuk berjaya kita tidak perlu menunggu semuanya berada dalam keadaan baik untuk bertindak, sebaliknya kita bertindak sekarang. Mungkin zaman kepimpinan saya persatuan tidak berjaya dan mungkin persatuan akan berjaya di bawah kepimpinan baharu atau selepas lima atau 10 tahun ditubuhkan. Kita patut berbangga malah bersyukur dan saya juga merasa puas, sekurang-kurangnya saya

bersama ALK telah memulakan langkah untuk kita nikmati kejayaan. Mungkin juga KOSENI lebih berjaya selepas saya bersara, dan saya hanya mampu tersenyum pada ketika itu. Walau bagaimanapun, apa yang lebih menggembirakan adalah langkah pertama yang telah kami lakukan untuk kita nikmati kejayaannya bersama.

Berbuat baiklah! Mungkin bukan waktu kita untuk kecap, namun memberi manfaat yang lebih besar kepada komuniti pada masa akan datang. Pada saya, tidak perlu untuk memuaskan hati semua pihak, tetapi laksanakan apa yang termampu seikhlas mungkin. Sekiranya ada sedikit kejayaan yang menyebabkan pihak yang dahulu berpandangan sinis mula tersenyum, maka berdamailah dengan masa lalu kerana itulah yang akan mendamaikan hati kita.

SOALAN 03

Terdapat segelintir pihak melihat bahawa KOSENI sebagai hak milik tuan sebagai individu. Boleh tuan ulas tentang persepsi ini?

Dalam menilai sesuatu perkara, sudut mana yang cuba untuk kita lihat? Negatif atau positif? Banyak kali saya maklumkan bahawa memang saya yang mencetuskan penubuhan KOSENI, tetapi bukan lah untuk dijadikan seolah-olah milik saya atau saya yang mengawal sepenuhnya. Pada



Pada mulanya, saya dilantik sebagai Setiausaha Penaja adalah untuk merealisasikan penubuhan KOSENI dan Pengerusi KOSENI yang pertama adalah Allahyarham En. Salehuddin Md. Salleh, sedangkan saya boleh mencadangkan nama sendiri sebagai pengerusi KOSENI pada ketika itu. Namun, ini bukan soal kedudukan dan jawatan tetapi lebih kepada amanah serta cita-cita yang membuak-buak untuk berjaya. Mungkin juga ramai yang tidak mengetahui bahawa saya telah pun mengecapi sedikit kejayaan dalam perniagaan makanan yang telah saya usahakan sebelum penubuhan KOSENI yang mana pengurusan tertinggi JKKN sedia maklum. Sekali pun saya ingin berjaya dalam bidang penerbitan drama dan dokumentari, saya tidak memerlukan kewujudan koperasi, malah saya boleh tubuhkan syarikat bersama rakan-rakan lain, tetapi apa yang lebih penting kepada saya adalah seperti mana hasrat yang telah saya nyatakan dalam jawapan sebelum ini.

Terdapat juga sesetengah pihak yang mempertikaikan cara pemilihan Ahli Lembaga KOSENI (ALK). Di peringkat awal penubuhan, saya telah menyatakan permohonan untuk memilih sendiri ALK bagi memudahkan kerja-kerja berkaitan, yang mana terdapat juga dalam kalangan mereka yang hendak dilantik yang tidak bersetuju awalnya, apatah lagi memikirkan bidang tugas yang perlu dilaksanakan, namun saya memujuk mereka untuk melalui susah payah bersama-sama. Pengalaman bekerja bersama-sama sebelum ini memudahkan interaksi diantara kami. Suka juga saya maklumkan beberapa nama yang menjadi tunjang kekuatan KOSENI di awal penubuhannya yang harus dikenang seperti Puan Noor Atiqah Zulkepli, Naib Pengerusi KOSENI & PRO, yang kebetulannya menjadi Timbalan Pengarah saya semasa di JKKN Selangor. Banyak perkara yang telah kami bincang dan rancang untuk menggerakkan KOSENI. Antaranya penyediaan dan pembentangan kertas kerja untuk permohonan dana bantuan operasi kafeteria di Pusat Pelancongan Malaysia (MaTiC) juga dana untuk pementasan Teater Muzikal sempena 100 Tahun Gerakan Koperasi 2022 serta mengatur banyak pertemuan dengan pihak-pihak berkaitan. Selain itu, Encik Mohamad Safran Nawi iaitu Setiausaha KOSENI, individu yang banyak membantu urusan surat-menyurat termasuk segala dokumen berkaitan bagi menjayakan

penubuhan koperasi dan ini bukanlah proses yang mudah. Pengalaman dan persefahaman semasa bekerja bersama-sama ketika saya mengetuai Cawangan Sumber Manusia JKKK banyak melancarkan kerja-kerja kami. Begitu juga dengan Puan Naurah Daria Janiur sebagai Bendahari KOSENI, seorang insan yang tabah dan sabar walaupun adakalanya kami bergaduh dalam mencari penyelesaian bagi memastikan tadbir urus kewangan KOSENI yang terbaik. Seterusnya, bantuan dan sokongan ALK yang lain seperti Encik Muhammad Hasnimizan Ishak (Timbalan Pengerusi KOSENI), Encik Shahrizal Abdan, Encik Suhaimi Abdul Rahim, Puan Lydia Irfian Mohd Isa dan Encik Peter Haryson Nianti yang memiliki kekuatan serta kepakaran masing-masing. Kami berkerja sebagai satu kumpulan yang saling menyokong antara satu sama lain semata-mata demi KOSENI dan bukan untuk tujuan personal.

Pujian harus diberikan kepada mereka, walaupun dalam kekangan tugas-tugas hakiki mereka masih berusaha memberikan khidmat yang terbaik. Saya yakin ketiga-tiga mereka dan ALK yang lain banyak memberi kenangan suka duka bersama. Saya ingin memohon maaf andai ada salah dan silap di pihak saya. Saya juga maklum bahawa tidak akan selama-lamanya mengemudi KOSENI. Apa yang penting adalah bagaimana saya mampu membimbing pemimpin akan datang agar menerajui KOSENI dengan lebih berjaya. Saya juga berpegang kepada asas, pemimpin yang baik bukan dilihat hebat atas apa yang dilakukan, tetapi bagaimana seseorang itu mampu membimbing serta menonjolkan kehebatan pasukannya bagi merealisasikan misi yang hendak dilaksanakan. Kalian boleh bercerita bermacam-macam perkara mengenai diri saya dan ALK lain, namun semua ini tidak akan melunturkan semangat kami untuk melihat KOSENI terus berjaya!



SOALAN 04

Saya melihat kekangan masa dan tugas tuan sendiri sebagai seorang pengarah di JKKK serta ALK KOSENI yang lain sebagai satu cabaran untuk menjayakan agenda KOSENI. Apa pandangan tuan?

Soalan ini membuatkan saya terbayangkan muka ahli ALK yang lain, saya juga faham kekangan tugas hakiki masing-masing memandangkan kita semua dalam bidang yang sama. Kami terpaksa mencari ruang dan masa yang sesuai untuk bermesyuarat secara dalam talian sehingga waktu malam disebabkan waktu siang sibuk dengan tugas-tugas hakiki. Saya sedar komitmen ALK kepada KOSENI sedikit sebanyak mengganggu kelapangan masa untuk bersama keluarga masing-masing. Namun, inilah yang dikatakan sebagai pengorbanan dan saya percaya ALK matang dalam soal ini. Saya lebih terbuka dan tidak terlalu mendesak mereka untuk mengikuti aktiviti KOSENI seperti semasa penggambaran *Super Telemovie 'Nasi Lemak Kimchi'*, sesiapa yang berkelapangan dialu-alukan untuk hadir bersama dan sekiranya ada komitmen lain yang lebih utama, tidak menjadi masalah.

Saya ingin memaklumkan kepada semua pihak terutama sekali kepada anggota KOSENI bahawa ALK yang bertungkus-lumus menjayakan KOSENI ini tidak dibayar gaji atau elaun. Mereka berkhidmat atas nama KOSENI dengan penuh ikhlas tanpa sebarang bayaran. Saya





selalu sematkan di dalam hati, sayalah kena banyak berkorban untuk melihat KOSENI berjaya. Saya banyak habiskan masa pada hari minggu dan waktu malam dengan janji temu dengan beberapa pihak demi menayakan KOSENI. Kami sedar dalam keghairahan untuk melihat KOSENI berjaya, tugasan-tugasan hakiki tetap menjadi keutamaan. Insya-Allah pada tahun 2024, KOSENI akan melantik kakitangan yang akan mengendalikan urusan pentadbiran dan kewangan KOSENI bagi meringankan beban tugas ALK. Saya selalu berpegang pada kata-kata motivasi untuk memujuk hati seperti, *janganlah cuba mengeluh dengan jalan yang kamu pilih, tidak ada orang yang mendesak kamu untuk kamu lakukan, teruskanlah selagi termampu dan untuk*

melihat cantiknya pelangi, jangan kamu takut dengan rintiknya hujan.

SOALAN 05

Boleh tuan ceritakan skop perniagaan sekarang dan dalam keghairahan KOSENI untuk bergiat aktif dalam pelbagai bidang perniagaan, apakah bidang yang akan tuan fokuskan agar KOSENI dilihat sebagai salah sebuah koperasi yang berdaya maju?

Seperti sedia maklum, KOSENI telah menjalankan perniagaan makanan dengan mengendalikan Kafeteria MaTiC selama dua tahun yang akan berakhir pada 12 Mac 2024. KOSENI juga banyak menyediakan perkhidmatan kumpulan persembahan kepada agensi-agensi kerajaan dan swasta bagi penganjuran acara bertaraf kebangsaan dan antarabangsa. KOSENI juga fokus bagi mendapatkan perkhidmatan perolehan tender dari Kerajaan.

KOSENI telah menubuhkan dua subsidiari iaitu Tiqa Netto Sdn. Bhd. dan Red Lake Creative Sdn. Bhd. Kedua-dua anak syarikat ini telah pun mendapat lesen daripada FINAS untuk membolehkan bergiat aktif dalam bidang penerbitan filem, drama, dokumentari dan apa sahaja perolehan yang melibatkan rakaman. Bagi tahun 2023, KOSENI telah berjaya merakamkan 30 episod dokumentari seni budaya untuk dijual kepada pihak RTM dan *Super Telemovie* pertama KOSENI '*Nasi Lemak Kimchi*' yang bakal ditayangkan pada 4 Januari 2024 di Astro First. Bercerita mengenai perniagaan KOSENI bagi tahun 2024 – 2026, saya akan memfokuskan kepada penerbitan drama dan dokumentari serta perkhidmatan menyewa peralatan rakaman. Kita juga sedang berusaha untuk memulakan perniagaan dengan memberikan perkhidmatan kredit kepada ahli.



SOALAN 06

Wow!!! Mungkin itu ayat yang saya boleh katakan sebagai sebuah entiti (KOPERASI) yang baru sahaja menjalankan operasi perniagaan, kewangan KOSENI telah mencapai perolehan kasar berjumlah RM500,000.00 hanya dalam tempoh lebih kurang dua tahun, satu angka yang cukup besar. Bagaimana pasukan tuan lakukan?

Ahmadulillah satu pencapaian dan angka yang boleh dibanggakan bagi sebuah koperasi agensi kerajaan yang baru ditubuhkan. Daripada pengalaman saya yang sentiasa berhubung dengan pegawai di Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), dimaklumkan bahawa pada kebiasaannya, agensi koperasi yang baharu ditubuhkan, perjalanan perniagaan serta perolehan mereka agak perlahan dan ini berlainan dengan KOSENI yang baru setahun dua penubuhannya sudah menunjukkan prestasi kewangan yang memberangsangkan malah turut menghasilkan keuntungan yang boleh memberi manfaat kepada setiap anggota. Caruman anggota bagi tahun berakhir 2022 tidak sampai RM12,000.000, tetapi pendapatan kasar

SOALAN
08

Semasa penelitian saya dalam laporan perolehan KOSENI, majoriti perolehannya adalah luar daripada JKKN, adakah pihak tuan berangapan pihak JKKN tidak membantu KOSENI atau pegawai tiada kepercayaan kepada KOSENI dalam melaksanakan perolehan yang bakal diberikan.

Saya tidak fikir begitu, secara jujur saya boleh maklum bahawa pihak pengurusan tertinggi JKKN setakat ini amat menyokong perjalanan KOSENI, Ketua Pengarah secara langsung sentiasa menasihati agar berhati-hati dalam urus tadbir koperasi agar tidak dipandang serong oleh kakitangan lain, rambut sama hitam, hati lain-lain tegasnya. Saya mengambil serius nasihatnya. Kami juga faham dan telah dimaklumkan sebelum ini oleh Cawangan Kewangan JKKN bahawa KOSENI tidak boleh terlibat dalam mana-mana perolehan jabatan kerana akan terdapat percanggahan dan kepentingan. Bagi mengelak perkara sebegini dan mengelakkan daripada menimbulkan sebarang masalah kepada ALK, kita akur dan berusaha mencari perolehan luar daripada JKKN.

SOALAN
09

Kalau tuan boleh renung sejenak, apa agaknya akan terjadi kepada KOSENI untuk 10 tahun akan datang?

Kita boleh menjangkakan tetapi perkara itu tidak semestinya akan berlaku. Tidak semua yang berlaku dalam dunia ini mengikut kehendak kita. Apa yang boleh saya gambarkan bahawa KOSENI 10 tahun yang akan datang, sudah pun mempunyai bangunan pejabatnya sendiri, koperasi yang akan mencatat keuntungan setiap tahun dan mempunyai aliran tunai melebihi RM 1 juta. KOSENI juga telah menghantar sekurang-kurangnya 30% keahlian (daripada jumlah keseluruhan keahlian sebelum tahun 2024) bagi mengerjakan umrah atau melancong. Selepas lima tahun beroperasi, KOSENI diharap dapat memberikan pulangan dividen sekurang-kurangnya 15% setahun. Subsidiari Tiqa Netto Sdn. Bhd dan Red Lake Creative Sdn. Bhd telah dikenali sebagai pemain industri penerbitan negara yang menerbitkan drama-drama dan filem yang berkualiti serta telah memenangi beberapa anugerah dalam bidang penerbitan tempatan juga antarabangsa.

SOALAN
10

Apa harapan tuan kepada KOSENI dan semua kakitangan Skim Bakat dan Seni khususnya kepada pegawai-pegawai baharu seperti saya pada masa akan datang?

Apa yang amat saya harapkan untuk masa akan datang KOSENI dipimpin oleh kepimpinan yang lebih agresif dan mampu membawa KOSENI sebagai salah sebuah koperasi yang berdaya maju. Kepada semua pegawai, jadikan KOSENI ini sebagai platform untuk kalian menyumbang bakti. Mungkin kalian mempunyai sumber kewangan yang baik tetapi masih ramai dalam kalangan kita yang amat memerlukan sumbangan seperti mengerjakan umrah, bantulah mereka mencapai impian dengan bersama-sama menggerakkan KOSENI. Dalam dunia ini tidak ada yang mustahil untuk kita capai dengan berkat usaha dan keredaan Allah SWT. *KOSENI adalah milik kita dan kejayaan sebenar adalah milik kita bersama.* Mungkin apa yang kita lakukan ini bukanlah yang terbaik untuk kita, tetapi percayalah ini adalah yang terbaik untuk komuniti yang lebih besar.

Saya bukanlah insan yang terbaik tetapi sentiasa berusaha untuk menjadi lebih baik. Tidak juga perlu dipuji atau dikenang, cukup sekadar untuk meneruskan semangat saya untuk memastikan komuniti di hadapan menikmati manisnya kejayaan!

Mohamd Raizuli Mat Jusoh mengakhiri bicaranya dengan bait-bait kata dengan nada yang agak perlahan dan teratur. Dalam sebak sambil meraup wajah dengan tangan kanannya, figura dengan wajah yang bersemangat pada mulanya, namun sayu di penghujungnya, bangun sambil berjabat tangan dan berlalu pergi.

Terima kasih tuan pengerusi! Tuan telah membuka minda, mengajar erti pengorbanan, berfikiran jauh, memberi sinar, mendorong langkah maju ke depan serta menjadi inspirasi buat kami generasi penyambung skim bakat dan seni!!

Terapi SENI VISUAL

KEPADA GOLONGAN MASA KINI

Oleh: Noor Aliya Ahmad Aszahari

Kesenian dibentuk melalui amalan budaya dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum di Malaysia. Seni memainkan peranan penting dalam pendidikan pelbagai budaya kerana kesenian turut wujud dalam konteks sesebuah kebudayaan. Kesenian juga merupakan satu aspek yang harus diberikan perhatian yang perlu dibentuk di Malaysia.

Seni dapat menarik minat pelajar untuk menyerlahkan bakat yang terpendam. Generasi baharu memiliki apresiasi dan inspirasi terhadap keunikan kesenian negara yang mempunyai nilai estetika tinggi. Ini menjadikan mereka lebih berimajinatif, berinovatif serta berfikiran kreatif.

Seni turut boleh dijadikan sebagai salah satu cara atau adat bagi mewujudkan mahupun memperkukuh masyarakat yang hidup dalam keadaan harmoni, bersatu padu serta dapat dapat memupuk sikap bekerjasama dalam masyarakat. Seni juga telah menjadi sebahagian daripada kurikulum dalam sistem pendidikan di negara Malaysia bermula di peringkat pra-sekolah sehingga ke peringkat sekolah menengah. Seni juga perlu dipupuk dalam kalangan pelajar universiti serta di tempat kerja. Pendidikan seni merupakan satu bidang kesenian yang memfokuskan kepada kesenian seni visual dan tidak merujuk kepada seni muzik, seni tari dan seni mempertahankan diri seperti yang terkandung dalam sukatan dalam matapelajaran pendidikan sekolah menengah yang lain.

Pendidikan seni visual yang diperkatakan ini meliputi semua proses penghasilan karya dengan mengambil kira daripada segi aspek pemahaman dan kritikan yang tinggi terhadap keindahan, kepekaan dan juga kreativiti seseorang individu.

Dalam menyeleras keadaan psikologi dengan elemen terapi seni, perkara tersebut perlu dijalankan bagi mendedahkan pelbagai potensi kreatif, bakat dan kebolehan tersendiri. Secara tidak langsung, seni dapat mempercepat pemulihan dalam pelbagai penyakit dan mewujudkan hubungan antara ahli terapi seni dan pelajar serta dapat mewujudkan hubungan yang kuat di antara mereka. Teknik terapi seni juga membantu seseorang untuk menyesuaikan diri secara sosial, selain memberikan dorongan kepada ekspresi perasaan dan pemikiran mereka sekiranya seseorang tidak boleh atau tidak mahu meluahkan dengan cara yang biasa.

Terapi seni sebenarnya berasal daripada perkataan Greek iaitu Therapeia atau erti kata lain bermaksud perkhidmatan. Rawatan pemulihan ke atas pesakit yang pernah menghadapi sebarang penyakit dengan tujuan mengembalikan kefungsi badan seseorang individu secara normal atau seperti sedia kala. Terapi seni adalah satu proses pemulihan sikap dan emosi yang boleh sama-sama masyarakat fikirkan. Terapi seni merupakan satu rawatan professional kesihatan mental yang menggunakan proses kreatif dalam sebuah lukisan untuk menambah baik dan menyempurnakan fizikal, mental juga emosi kanak-kanak.

Terapi seni boleh diertikan sebagai suatu bentuk terapi ekspresif yang menggunakan media warna, kapur, pensel, kertas dan marker. Terapi ini diintegrasikan melalui terapi psikoterapeutik dan teknik proses kreatif. Dari aspek psikologi pula, terapi melalui permainan memberi peluang kepada kanak-kanak untuk meluahkan perasaan juga mengawal keadaan dan dapat membantu kanak-kanak untuk berurusan dengan realiti sebenar. Terapi permainan dapat membantu murid menunjukkan komitmen dan fokus yang sepenuhnya terhadap aktiviti yang dijalankan oleh mereka sama ada di dalam sekolah mahupun di luar sekolah.

Terapi permainan adalah suatu terapi interaksi sosial dalam mempelajari keterampilan sosial-



emosional serta meningkatkan ketahanan emosional. Cara mempelajari keterampilan sosial adalah daripada mengamati orang lain atau melalui interaksi yang eksplisit. Kanak-kanak yang kecil masih belum belajar atau tidak menerapkan keterampilan pro-sosial yang balik dan memerlukan d a n

pengajaran tambahan, latihan sokongan. Kecenderungan alami kanak-kanak untuk bermain dan penyediaan cara yang sangat memotivasi penting untuk melibatkan mereka dalam mempelajari keterampilan pro-sosial. Anak-anak cenderung memulihkan cakra peribadi dalam menyelesaikan masalah tanpa rasa agresif, kurangnya nilai persahabatan, dapat mengurus kemarahan dan tidak berbohong.

Kemajuan permainan pada pengembangan minda dan kompleksiti sosial hendaklah fokus

pada intervensi awal, bermula seawal

dari usia 4-14 tahun. Permainan dapat digunakan secara berturutan selama enam sampai lapan minggu dalam satu sesi bagi melihat keterampilan tertentu. Permainan seni ini dapat digunakan pada individu, kelompok atau anak-anak seluruh kelas.

Terapi seni ini dapat membantu perkembangan minda golongan muda agar mudah berkembang serta dapat mencungkil bakat yang ada dalam diri. Terapi seni ini juga dapat membantu pakar perubatan untuk mengesan dan mengkaji penyakit yang dihadapi oleh pesakit luar. Golongan muda perlu mengambil inisiatif dan perlu menitikberatkan tentang terapi seni agar dapat membantu golongan masyarakat yang lain.

Sumber rujukan

1. <https://mieneaststar.blogspot.com/2014/05/definisi-terapi-terapi-seni-terapi.html>

PERMAINAN TRADISIONAL :

Congkak

Oleh: Mohammad
Iman Mohd Nizam

Congkak merupakan sejenis permainan tradisional yang selalu dimainkan pada waktu lapang seperti menjadi satu aktiviti permainan dalaman dan kadangkala, Congkak dimainkan sebagai sebuah pertandingan. Pada kebiasaannya, congkak menggunakan papan kayu yang berlubang atau lubang di atas tanah dan biji getah atau guli akan digunakan sebagai buah congkak.

Congkak dipercayai berasal daripada Afrika atau Arab. Terdapat bukti yang telah dijumpai oleh cari gali purba yang dibiayai oleh Persatuan *National Geographic*, iaitu sebuah kepingan batu kapur yang memiliki dua liang selari bertarikh semenjak 5000 hingga 7000 sebelum Masihi yang kini dikenali sebagai Jordan.

Bermula dari timur tengah, permainan ini telah tersebar hingga ke Afrika. Kemudian, congkak tersebar ke Asia melalui pedagang-pedagang Arab. Di Asia Tenggara, congkak mungkin telah berkembang dari Melaka disebabkan negeri ini merupakan pusat perdagangan pada masa ketika dahulu. Nama 'Congkak' dipercayai berasal daripada perkataan Bahasa Melayu iaitu 'Congak' yang membawa maksud pengiraan mental.

Selain kaum Melayu, keturunan peranakan India dan Baba Melaka juga mempunyai minat terhadap permainan congkak. Kanak-kanak yang berada di Kepulauan Carribean turut bermain congkak. Congkak dipercayai telah berada di sana melalui perdagangan hamba. Di Kepulauan Caribbean, congkak dikenali sebagai warri atau pun awari. Di negara Indonesia, congkak telah dikenali dengan nama 'Congklak', manakala di negara Filipina pula, congkak dipanggil 'Sungka'.

Pada zaman dahulu, golongan istana bermain congkak dengan menggunakan papan

congkak yang mempunyai ukiran yang mewah. Sementara di kalangan rakyat jelata pula, congkak dimainkan dengan mengorek lubang di tanah.

Permainan congkak banyak melibatkan pengiraan. Mereka yang mahir mencongkak mempunyai kelebihan untuk mengumpul mata dan seterusnya memenangi permainan. Dalam permainan congkak, terdapat dua bahan yang digunakan iaitu papan congkak serta buah congkak. Papan congkak mempunyai bentuk seakan sampan dan boleh diperbuat daripada pelbagai jenis kayu. Terdapat lima atau tujuh lubang sebaris yang dikenali sebagai 'kampung' dan terdapat lubang ibu di kedua-dua hujungnya yang dipanggil pula sebagai 'rumah'.

Panjang papan congkak yang mempunyai tujuh lubang kebiasaannya sekitar 80 cm dan lebarnya 18 cm. Dua orang pemain diperlukan dengan berkedudukan menghadap antara satu sama lain. Bagi memulakan permainan congkak, biji getah atau guli akan diisikan dalam setiap 'kampung' dengan jumlah yang sama banyak dan bahagian yang dibiarkan kosong.



dikenali sebagai 'rumah' pula akan

Dalam permainan congkak, kedua-dua pemain akan bermula secara serentak. Mereka akan mengambil buah congkak dan masukkan satu persatu buah congkak tersebut ke dalam setiap 'kampung' menuju ke rumah masing-masing mengikut arah pusingan jam, sehingga salah seorang berhenti di lubang yang kosong dan dianggap mati. 'Rumah' kepunyaan sendiri terletak di lubang hujung sebelah kiri pemain.



Pemain seorang lagi pula akan terus berjalan sehingga pemain tersebut berhenti di sebuah lubang yang kosong. Selepas itu, setiap pemain akan bergilir berjalan sehingga buahnya mati. Setiap pemain akan meneruskan permainan sehingga kehabisan buah congkak, dan pemain akan mengisi lubang dengan buah yang terdapat dalam lubang ibu.

Pemain yang tidak cukup buah akan ditutup lubangnya, dan pemain yang telah menang dalam giliran sebelumnya pula akan memulakan permainan.

Permainan ini akan diulang sehingga di antara dua pemain tersebut tidak cukup buah untuk mengisi lagi walau hanya satu lubang sekalipun dan akan dianggap kalah ataupun apabila kedua-dua pemain telah bosan. Seandainya pemain telah membuat satu pusingan iaitu melepasi lubang ibu dan kembali semula ke lubang sebelah pemain, ia boleh mengambil buah di sebelah lubang yang berlawanan sekiranya ia mati di sebelah sendiri dan ini dikenali sebagai 'tembak' atau 'tikam'.

1


Terdapat lima peraturan permainan congkak yang sering digunakan. Peraturan pertama yang terdapat dalam permainan congkak ialah dua orang pemain duduk menghadap papan congkak, permainan akan bermula dengan kedua-dua pemain akan secara serentak untuk mencapai buah di kampung masing-masing dan perlu memasukkan buah satu demi satu di dalam lubang kampung dengan pergerakan dari kanan ke kiri hinggalah ke rumah dan kampung lawan.

2

Peraturan kedua yang terdapat dalam permainan congkak ialah gerakan diteruskan sehingga buah yang terakhir pada tangan dimasukkan ke dalam kampung kosong di kawasan sendiri atau lawan dan kemudian, pemain perlulah berhenti, seandainya buah itu telah jatuh atau mati di kampung sendiri. Pemain itu boleh menembak atau menikam kampung lawan yang berhadapan dengan kampungnya iaitu mengaut kesemua buah sekiranya ada di dalam kampung tersebut, hanya selepas membuat satu pusingan.

3

Peraturan ketiga pula yang terdapat dalam permainan congkak ialah pihak lawan akan mengambil giliran untuk meneruskan permainan hingga buahnya sudah mati. Seandainya buah terakhir telah jatuh di dalam rumah sendiri, pemain dibenarkan untuk meneruskan permainan dengan mengambil buah yang masih banyak di mana-mana kampung sendiri. Sekiranya buah terakhir telah jatuh di kampung kosong pihak lawan, maka permainan itu mati di situ saja dan pihak lawan boleh memulakan permainan yang seterusnya sehingga mati.



4

Peraturan keempat yang terdapat dalam permainan congkak ialah jika tidak memiliki sebarang buah di kampung pemain biarpun giliran telah berada di pihaknya, maka giliran untuk menggerakkan buah akan berpindah pula kepada pihak lawan.



5

Peraturan kelima yang terdapat dalam dalam permainan congkak ialah setelah tamatnya pusingan pertama, setiap pemain akan mengisi semula kampung dengan buah congkak dan jika ada kampung yang tidak mempunyai buah yang cukup, maka ia akan dianggap 'terbakar' Kampung ini tidak akan boleh disi apabila bermain pada pusingan yang kedua dan seterusnya sehinggalah pihak lawan mengaku kalah.

Amatlah sayang sekiranya permainan tradisi yang telah dimainkan dan diwarisi secara turun-temurun ini terus dilupakan begitu saja. Justeru, wajarlah kita sebagai generasi muda masa kini mempertahankan seni budaya warisan, kerana pemeliharaan setiap warisan tradisi adalah tanggungjawab bersama.



Alangkah baiknya jika generasi muda pada masa kini dapat mengenali seluruh permainan tradisi yang merupakan khazanah negara yang amat berharga. Hal ini disebabkan

antara cabang budaya yang menunjukkan kehidupan dan adat resam ialah permainan tradisi.

Melalui permainan tradisi ini, kita dapat mengetahui dan juga menilai kehidupan masyarakat yang telah mempraktikkannya. Antara peranan paling penting yang boleh kita lihat dalam permainan tradisi ini ialah seperti mampu menimbulkan rasa kesamaan dan sifat untuk bekerjasama terhadap orang yang memainkannya bagi mencapai kemenangan.

Sumber rujukan :

<https://gamemaster.sg/traditional-games/congak-game-for-rent/>

<https://mediapermata.com.bn/pertahankan-permainan-congak/>

<https://ms.wikipedia.org/wiki/Congkak>

Suara MERDEKA

Oleh: Muhyuddin Shaiful Bahari

Kini kita bebas dan mampu untuk bersuara
Dahulunya dijajah oleh pelbagai bangsa
Kini tanah Melayu sudah bertukar rupa
Dahulunya dipandang hina kini dipandang mulia

31 Ogos kita laungkan bersama
Tiada lagi tali barut ataupun pengkhianat yang mampu berkuasa
Merdeka bukan hanya dari kata tetapi dari jasad dan fikiran kita bersama

Jalur gemilang kini berkibar megah
Kita dapat rayakan tanpa perasaan hiba
Dahulunya sengsara kini kita bebas dari penjajah.

Panji-panji mula bersatu
dengan laungan
Merdeka... Merdeka... Merdeka...
Negaraku yang tercinta.



**Jabatan Kebudayaan
dan Kesenian Negara
Perlis**

Kompleks JKKN Perlis
Persiaran Wawasan Kangar
01000 Kangar
Perlis Indera Kayangan
Tel: 04-979 3604
Faks: 04-977 0117

**Jabatan Kebudayaan
dan Kesenian Negara
Kedah**

Kompleks JKKN Kedah,
Lot Ptd 400,
05250 Alor Setar,
Kedah Darul Aman
Tel: 04-731 5930
Faks: 04-733 8128

**Jabatan Kebudayaan
dan Kesenian Negara
Pulau Pinang**

Kompleks JKKN Pulau Pinang
Kompleks Pusaka Warisan Seni
Lot No. 2180 Jalan Rawang
Off Jalan P. Ramlee
10460 Pulau Pinang
Tel: 04-281 7791/7792
Faks: 04-281 7781

**Jabatan Kebudayaan
dan Kesenian Negara
Perak**

Kompleks JKKN Perak
Lot 20561 @ 20565, Jalan Cardwell
Off Jalan Raja Dihilir
30350 Ipoh
Perak Darul Ridzuan
Tel: 05-253 7001
Faks: 05-241 7017

**Jabatan Kebudayaan
dan Kesenian Negara
Selangor**

Ideal Convention Centre (IDCC) Shah Alam
Tingkat 6, 6-01 Menara Korporat
Kompleks IDCC, Jalan Pahat L 15/L
Seksyen 15, 40200 Shah Alam
Selangor
Tel: 03-5543 1419
Faks: -

**Jabatan Kebudayaan
dan Kesenian Negara
Wilayah Persekutuan**

Kompleks JKKN WPKL
Jalan Tun H.S Lee
50000 Kuala Lumpur
Tel: 03-2072 6431/6779
Faks: 03-2070 4064

**Jabatan Kebudayaan
dan Kesenian Negara
Negeri Sembilan**

Kompleks JKKN Negeri Sembilan
Jalan Sungai Ujong
70200 Seremban
Negeri Sembilan Darul Khusus
Tel: 06-767 6793/763 6308
Faks: 06-763 4417

**Jabatan Kebudayaan
dan Kesenian Negara
Melaka**

Kompleks JKKN Melaka
Lebuh Ayer Keroh
75450 Melaka
Tel: 06-233 1790/233 1787
Faks: 06- 233 1784

**Jabatan Kebudayaan
dan Kesenian Negara
Johor**

Aras 6 Kiri, Wisma Perkeso
No. 26, Jalan Susur 5
Off Jalan Tun Abdul Razak, Larkin
80200 Johor Bahru
Johor Darul Takzim
Tel: 07-224 8270/223 1249
Faks: 07-223 9413

**Jabatan Kebudayaan
dan Kesenian Negara
Pahang**

Kompleks JKKN Pahang
Lot 57100, Jalan Tok Sisek
25000 Kuantan
Pahang Darul Makmur
Tel: 09-517 8466
Faks: 09-517 9466

**Jabatan Kebudayaan
dan Kesenian Negara
Terengganu**

Kompleks JKKN Terengganu
Kuala Ibai
20400 Kuala Terengganu
Terengganu Darul Iman
Tel: 09-617 8831
Faks: 09-617 8832

**Jabatan Kebudayaan
dan Kesenian Negara
Kelantan**

Kompleks JKKN Kelantan
Lot 1993, Seksyen 49
Tanjong Chat
15200 Kota Bharu
Kelantan Darul Naim
Tel: 09-741 7000
Faks: 09-741 7004

**Jabatan Kebudayaan
dan Kesenian Negara
Sarawak**

Tingkat 5, Bangunan Sultan Iskandar
Jalan Simpang Tiga
93000 Kuching
Sarawak
Tel: 082-422 006/423 106
Faks: 082-244 394

**Jabatan Kebudayaan
dan Kesenian Negara
Sabah**

Kompleks JKKN Sabah
KM 4, Jalan Penampang
88200 Kota Kinabalu
Sabah
Tel: 088-237052/051
Faks: 088-242 052



**Jabatan Kebudayaan
dan Kesenian Negara**

Aras 16, 18, 19, 26, 27, 30 dan 34
Lot 1001, Menara TH Perdana
Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur
Tel: 03-2614 8200
Faks: 03-2697 0884

**SALURAN MEDIA
SOSIAL JKKN**



**#MYSENIBUDAYA
MALAYSIA**